Pendakwa Raya lwn Phung Geok Hoay

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–08 TAHUN 2004
YAACOB MD SAM PK
11 AUGUST 2009

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya — s 39B(1)(b) — Sama ada pembelaan tertuduh hanya penafian semata-mata — Sama ada pembelaan tertuduh menyangkal peruntukan anggapan s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Milikan dadah — Dadah dijumpai pada badan tertuduh dan di tempat letak kaki bahagian pemandu dalam kereta yang dipandu oleh tertuduh — Kereta kepunyaan majikan tertuduh — Sama ada dadah di bawah milikan dan kawalan tertuduh — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan dan milikan sebenar

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Anggapan — Dadah dijumpai pada badan tertuduh dan di tempat letak kaki bahagian pemandu dalam kereta yang dipandu oleh tertuduh — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan dan milikan sebenar dadah — Sama ada anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai — Sama ada jumlah berat dadah dan cara pembungkusan membangkitkan inferens pengedaran

Undang-Undang Keterangan — Andaian bertentangan — Kegagalan pendakwaan mengemukakan baju yang dipakai oleh tertuduh dari mana dadah dijumpai — Sama ada kegagalan mencacatkan kes pendakwaan — Sama ada andaian bertentangan boleh dibangkitkan — Akta Keterangan 1950 s 114(g)

Lanjutan daripada pemerhatian dan serang hendap, sepasukan polis telah membuat pemeriksaan badan ke atas tertuduh dan kereta No PCD5265 yang telah dipandu oleh tertuduh. Dalam poket kiri baju kemeja berwarna pink yang dipakai oleh tertuduh, satu bungkusan kertas berwarna putih (P12) yang mengandungi dua paket plastik lut sinar berisi serbuk dan ketulan jernih telah dijumpai. Bahan yang sama telah dijumpai di dalam satu beg plastik warna hitam (P15), serta satu kotak cardboard (P21) dan satu sampul

surat berwarna kecoklatan (P24) yang dijumpai di atas lantai kereta tersebut iaitu di bahagian tempat letak kaki pemandu. Bahan serbuk dan ketulan-ketulan tersebut telah disahkan oleh ahli kimia sebagai dadah berbahaya methamphetamine sejumlah berat 156.58g. Tertuduh telah dituduh mengedar dadah berbahaya iaitu sejumlah berat 156.58g methamphetamine, satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta. Kereta PCD 5265 tersebut didaftarkan di atas nama majikan tertuduh. Tertuduh telah diberikan kereta tersebut bagi kegunaannya. Pihak pembelaan telah berhujah, antara lain: (i) bahawa tertuduh tidak mempunyai hak ekslusif dalam penggunaan kereta tersebut dan kereta itu mungkin juga digunakan oleh pekerja lain; (ii) bahawa tiada keterangan yang menunjukkan tertuduh melakukan apa-apa perlakuan yang boleh dikatakan sebagai 'trafficking'; (iii) bahawa adalah diragui sama ada baju kemeja berwarna pink yang dikatakan dipakai oleh tertuduh benar-benar wujud kerana tidak dikemukakan sebagai ekshibit oleh pihak pendakwaan; (iv) bahawa keterangan saksi polis yang mengatakan P12 dijumpai dari poket baju kemeja yang dipakai oleh tertuduh adalah bermotif untuk mengaitkan tertuduh dengan dadah yang ditemui di lantai kereta tersebut; (v) bahawa reaksi tertuduh yang tidak cuba melarikan diri adalah lebih konsisten dengan reaksi orang yang tidak melakukan apa-apa kesalahan dan ketiadaan pengetahuan ke atas dadah tersebut.

Diputuskan, menolak rayuan tertuduh:

(1) P12 telah dijumpai dari poket sebelah kiri baju kemeja yang dipakai oleh tertuduh. Kegagalan mengemukakan baju tersebut sebagai ekshibit oleh pihak pendakwaan tidak mencacatkan kes pendakwaan terhadap perkara ini atau mengundang pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 (lihat perenggan 38).

(2) Tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas P12, P15, P21 dan P24 berserta kandungan masing-masing. Tertuduh mempunyai pengetahuan dan milikan sebenar ke atas semua dadah yang telah dijumpai itu iaitu dari badan tertuduh dan di atas lantai bahagian kaki tempat duduk pemandu dalam kereta PCD 2565 tersebut (lihat perenggan 49).

(3) Oleh kerana berat dadah berbahaya, iaitu methamphetamine terlibat adalah melebihi berat minima statutori, maka peruntukan anggapan di bawah s 37(da)(xvi) Akta adalah terpakai di dalam kes ini bahawa dadah tersebut adalah bagi tujuan pengedaran. Dengan melihat kepada faktor-faktor seperti jumlah berat dadah, bentuk dan cara dadah tersebut dibungkus di dalam paket-paket plastik kecil dan paket besar dan dibahagikan di dalam bungkusan berasingan masing-masing,

adalah juga inferens bahawa dadah tersebut adalah dimaksudkan bagi tujuan pengedaran (lihat perenggan 51).

(4) Mahkamah tidak dapat menerima keterangan bahawa kemungkinan dadah tersebut diletakkan oleh mana-mana staf atau orang lain yang menggunakan kereta tersebut kerana tidak munasabah untuk mana-mana orang itu meninggalkan dadah pada jumlah yang besar di dalam kereta tersebut yang orang itu tahu kereta itu boleh digunakan oleh orang lain selepasnya. Tidak terdapat keterangan bahawa ada orang lain yang menggunakan kereta tersebut pada pagi itu (lihat perenggan 79–80).

(5) Pembelaan tertuduh hanyalah satu penafian semata-mata (bare denial) dengan menafikan dadah dijumpai dari dalam poket baju kemejanya dan tidak ada pengetahuan ke atas dadah yang ditemui di atas lantai tempat letak kaki pemandu kereta yang pada masa ditahan dan diperiksa kereta adalah dipandu oleh tertuduh (lihat perenggan 99).

(6) Pihak pendakwaan telah membuktikan kes pendakwaan tanpa apa-apa keraguan. Pembelaan tertuduh telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Di atas beban imbangan kebarangkalian, pembelaan tertuduh telah gagal menyangkal peruntukan anggapan s 37(da)(xvi) Akta yang terpakai (lihat perenggan 100).

[English summary

Pursuant to an observation and ambush, the police team conducted a search on the accused's body and a car No PCD5265 driven by the accused. In the left pocket of the pink shirt that the accused was wearing, a white package (P12) which contained two transparent plastic bags containing clear powdery and lumpy substance was found. The same substance was found in a black plastic bag (P15), and a cardboard box (P21) and a brownish envelope (P24) which was found on the floor of the car ie at the driver's feet rest. The powder and lump substance was confirmed by the chemist to be dangerous drugs ie methamphetamine weighing 156.58g, an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') and punishable under s 39B(2) of the Act. The car PCD 5265 was registered under the name of the accused's employer. The accused was given the car for his use. The defendamt submitted, inter alia: (i) that the accused had no exclusive right in using the car and the car could have been used by other employees; (ii) that there was no evidence which showed that the accused had committed any action that could be said to be 'trafficking'; (iii) that there was doubt as to whether the pink shirt alleged to have been worn by the accused actually existed as it was not produced as an exhibit by the prosecution; (iv) that the evidence of the police's witness stating that P12 was discovered from the pocket of the shirt

worn by the accused was a motive to connect the accused with the drugs discovered on the car's floor; and (v) that the accused's reaction in not trying to run away was more consistent with the reaction of a person who had not committed any offence and had no knowledge of the said drugs.

Held, dismissing the accused's appeal:

(1) P12 was discovered from the left pocket of the accused's shirt. The failure to produce the shirt as an exhibit by the prosecution was not fatal to the prosecution's case on this matter or attracted the application of s 114(g) of the Evidence Act 1950 (see para 38).

(2) The accused had the custody and control of P12, P15, P21 and P24 and its respective contents. The accused had knowledge and actual possession of all the drugs discovered ie from the accused's body and on the floor at the driver's feet of the car PCD 2565 (see para 49).

(3) Since the weight of the dangerous drug, ie methamphetamine, concerned was more than the statutory minimum weight, therefore the provision of preseumptions under s 37(da)(xvi) of the Act applied in this case that the drugs were for the purposes of trafficking. Taking into account the factors such as the total weight of the drugs, the form and method the drugs was packed in the small plastic packages and the big packet and divided accordingly into separate packaging, there was an inference that the drugs was meant for trafficking (see para 51).

(4) The court could not accept the evidence that the possibility that the drugs were placed by any of the staffs or someone else using the car as it was not reasonable for anyone to leave the drugs in large amount in the car that he knew could be used by another person after him. There was no evidence that there was someone else using the car that morning (see paras 79–80).

(5) The accused's defence was only a bare denial by denying that the drugs were discovered from the pocket of his shirt and that he had no knowledge of the drugs discovered on the floor at the driver's feet rest of the car when he was stopped and examined the car was driven by the accused (see para 99).

(6) The prosecution had established its case without any doubt. The accused's defence had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. On the burden of balance of probability, the accused's defence had failed to refute the provision of presumptions of s 37(da)(xvi) of the Act which was applicable (see para 100).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan pendakwaan mengemukakan baju yang dipakai oleh tertuduh dari mana dadah dijumpai, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2006 Reissue) perenggan 824–836.

Untuk kes-kes mengenai milikan dadah, lihat *Mallal's Digest* (4th Ed, 200 Reissue) perenggan 138–139.

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 126–137.

Untuk kes mengenai s 39B(1)(b), lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 501.

Kes-kes yang dirujuk

AEG Carapiet v AY Derderian AIR 1961 Cal 359 (dirujuk)
Arumugam Periasamy v PP [2005] 3 CLJ 685, MR (dirujuk)
Baharum v PP [1960] MLJ 249; [1960] 1 LNS 9, MR (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (diikut)
Chan Chwen Kong v PP [1962] MLJ 307, MR (dirujuk)
Chua Beow Huat v PP [1970] 2 MLJ 29, MT (dirujuk)
Chu Tak Fai v PP [2007] 1 MLJ 201; [2006] 4 CLJ 931, MP (diikut)
Chu Tak Fai v PP [1998] 4 MLJ 246; [1998] 4 CLJ 789, MR (dirujuk)
DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
Emmanuel Yaw Teiku v PP [2006] 5 MLJ 209, MP (dirujuk)
Goh Ah Yew v PP [1949] MLJ 150; [1949] 1 LNS 13, MT (dirujuk)
Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137; [1993] 3 CLJ 1, MA (dirujuk)
Khoo Hi Chiang v PP [1994] 1 MLJ 265; [1994] 2 CLJ 151, MA (dirujuk)
Leow Nghee Lim v Reg [1956] MLJ 28; [1955] 1 LNS 53, MT (dirujuk)
Liew Siew & Anor v PP [1969] 2 MLJ 232 ; [1969] 1 LNS 90, MT (dirujuk)
Mat v PP [1963] MLJ 263, MT (dirujuk)
Megat Halim Megat Omar v PP [2009] 1 CLJ 154; [2009] 2 AMR 803, MR (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ 311 (Rep), MA (dirujuk)
Mohamad Sofri Che Ani v PP [2009] 1 LNS 113, MR (diikut)
Munusamy Vengadasalam v PP [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ (Rep) 221, MA (diikut)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19, MP (dirujuk)
PP v Denish a/l Madhavan [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209, MP (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1, MP (dirujuk)
PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649, MT (dirujuk)
PP v David Ackowuah Bonsu [1998] 7 MLJ 451, MT (dirujuk)
PP v Jumaat Mohd Yusoff bin Abdul Bashar [2007] 6 MLJ 667, MT (dirujuk)
PP v Karim Ab Jabar [2008] 3 MLJ 685; [2008] 5 CLJ 173, MR (dirujuk)
PP v Ku Lip See [1981] 1 MLJ 258, MT (dirujuk)

PP v Lim Hock Boon [2009] 3 MLJ 604; [2009] 3 CLJ 430; [2009] 1 LNS 53, FC (dirujuk)
PP v Mardani Hussain [2005] MLJU 364; [2005] 7 CLJ 495, MT (dirujuk)
PP v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor [2002] 3 MLJ 401; [2002] 8 CLJ 814, MT (dirujuk)
PP v Mohd Radzi Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393; [2006] 1 CLJ 457, MT (dirujuk)
PP v Nik Ahmad Aman bin Nik Mansor [2002] 5 MLJ 641; [2002] 2 AMR 2515, MT (dirujuk)
PP v Phua Keng Tong [1986] 2 MLJ 279; [1986] 1 SLR 168, MT (dirujuk)
PP v Razali Johari [2008] MLJU 666; [2009] 2 CLJ 133, MR (dirujuk)
PP v Tan Hong Tong [1993] 3 CLJ 232, MT (dirujuk)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89; [1968] 1 LNS 116, PC (dirujuk)
Surentheren a/l Selvaraja v PP [2005] 2 CLJ 264, MR (dirujuk)
Tunde Apatira & Ors v PP [2001] 1 MLJ 259, MP (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, MP (dirujuk)
Zulfikar bin Mustaffa v PP [2001] 1 SLR 633, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(da)(xvi), 39B(1)(a), (2)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Prosedur Jenayah ss 180, 181, 182A, 277

Norina bt Zainol Abidin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Rafael Abdullah (Rafael Prabakaran & Co) bagi pihak tertuduh.

Yaacob Md Sam JC:

[1] Tertuduh di dalam kes ini menghadapi pertuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 24 Julai 2002 jam lebih kurang 4.00 petang, bertempat di hadapan Lai Lai Supermarket, Jalan Rangoon, Georgetown, dalam Daerah Timur Laut, dalam Negeri Pulau Pinang, telah mengedar dadah berbahaya iaitu sejumlah berat 156.58g Methamphetamine dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

Keterangan kes pendakwaan secara ringkas adalah seperti berikut:

[2] Pada 24 Julai 2002 jam lebih kurang 3.40 petang pengadu Cif Insp Rajaram a/l Arumugam ('SP4') dan pasukannya yang terdiri daripada Cif Inspektor Ahmad Sidi ('SP7'), Sarjan Mejar Azhar, Lans Koperal Richard, Det L/Kpl Nizarudin, Det Kpl Taufik, Konstable Ku Azizuan dan Konstable

Saiful Amri telah mengambil tempat bagi melakukan pemerhatian dan serang hendap di Jalan Rangoon dan kawasan berhampiran Lai Lai Supermarket, Jalan Rangoon, Georgetown.

[3] Pada jam lebih kurang 4 petang, selepas 20 minit membuat pemerhatian, SP4 melihat sebuah kereta jenis Proton Saga berwarna silver nombor pendaftaran PCD 5265 yang dipandu oleh seorang lelaki memasuki kawasan pemerhatian dari arah persimpangan Jalan Burmah dan memasuki ke Jalan Rangoon dan kereta tersebut berhenti di hadapan Lai Lai Supermarket, Jalan Rangoon. Tiada orang lain dilihat berada dalam kereta tersebut kecuali pemandunya. Jarak tempat kereta tersebut berhenti dengan tempat SP4 berada membuat pemerhatian lebih kurang 8–10 meter. SP4 dapat melihat dengan jelas ke arah kereta tersebut.

[4] Selepas lebih kurang 30 saat kereta itu dilihat berhenti, SP4 dan pasukannya telah bergerak ke kereta tersebut. SP4 mengetuk dengan tangan tingkap cermin kereta sebelah pemandu dan memperkenalkan diri sebagai polis. Pada ketika SP4 sampai enjin kereta telah dimatikan dan semua tingkap kereta bertutup. SP4 dengan arahan gerak tangan meminta pemandu kereta PCD 5265 tersebut keluar dari kereta. Di masa yang sama SP4 membuka pintu bahagian hadapan sebelah pemandu dan mendapati pintu itu tidak berkunci. Selepas pintu dibuka SP4 perkenalkan diri sekali lagi dan mengarahkan pemandu kereta itu turun dari kereta. Ketika itu kunci kereta tersebut dilihat oleh SP4 berada pada suiz kereta.

[5] Ketika pintu dibuka dan pemandu kereta itu hendak turun, SP4 melihat terdapat satu beg plastik warna hitam, serta satu kotak cardboard dan satu sampul surat berwarna kecoklatan berada terletak di atas lantai kereta tersebut iaitu di bahagian tempat letak kaki pemandu. SP4 mengatakan beg plastik hitam, kotak cardboard dan sampul surat kecoklatan tersebut tidak tersembunyi dan boleh dilihat dengan mudah.

[6] SP4 telah membuat pemeriksaan badan ke atas lelaki itu, yang kemudian dikenali sebagai tertuduh (OKT). Dalam poket kiri baju kemeja berwarna pink yang dipakai oleh tertuduh, SP4 telah menjumpai satu bungkusan kertas berwarna putih bertulis 'Good and Prompt Service' yang apabila dibuka didapati mengandungi dua paket plastik lut sinar berisi serbuk dan ketulan jernih disyaki dadah syabu. SP4 mengatakan sewaktu beliau memeriksa bungkusan yang dijumpai dari poket baju tertuduh, tertuduh kelihatan terkejut dan pucat.

[7] SP4 selepas itu memeriksa beg plastik warna hitam ('P15') yang terdapat di atas lantai tempat kaki pemandu dan mendapati di dalam beg

tersebut mengandungi 21 paket-paket kecil lut sinar setiap satunya berisi serbuk dan ketulan disyaki dadah syabu (P17(1-18); P18(1) dan P18(2); P19).

[8] Di tempat yang sama SP4 telah mengambil dan memeriksa satu kotak bertulis 'Regent Air Pump' ('P21') dan mendapati di dalammya terdapat satu paket plastik lut sinar bersaiz besar yang berisi serbuk dan ketulan jernih disyaki dadah syabu ('P23').

[9] Di atas lantai tempat letak kaki pemandu yang sama, SP4 juga telah menjumpai satu sampul surat berwarna kecoklatan ('P24') yang apabila diperiksa mengandungi sembilan paket-paket plastik kecil lut sinar berisi pil-pil yang disyaki dadah ('P25(1-9)'). Jumlah pil-pil di dalam paket-paket tersebut ialah sebanyak 841 biji yang kesemuanya bertulis 'WY'. Pemeriksaan lanjut ke atas kereta PCD 5265 ('P28') tersebut tidak menjumpai apa-apa barang salah lain. Turut sama dalam serbuan dan menyaksikan jumpaan barang kes ialah Cif Insp Ahmad Sidi ('SP7').

[10] SP4 telah menangkap tertuduh dan merampas barang kes. Tertuduh dan kereta PCD 5265 dibawa balik ke Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Pulau Pinang. Setiba di Pejabat Narkotik IPK tersebut, SP4 telah membuat tandaan ke atas semua barang kes yang dirampas dan mengeluarkan borang bongkar ('P8'). SP4 kemudiannya membuat laporan polis di atas tangkapan dan rampasan tersebut melalui Jalan Petani Patani Rpt 5177-8/02 ('P9'). Seterusnya semua barang kes dan tertuduh diserahkan kepada pegawai penyiasat kes Cif Insp Barber Singh (SP9) dan akuan borang serah menyerah ('P10') dimasuki di antara SP4 dan SP9.

[11] Semua barang kes yang disyaki dadah itu kemudian telah dibuat serahan oleh pegawai penyiasat ('SP9') kepada ahli kimia Hj Shaharudin bin Hasan ('SP5') pada 26 Julai 2002. SP5 setelah menjalankan analisa ke atas setiap barang kes yang diterima, mengesahkan bahan serbuk dan ketulan-ketulan tersebut adalah dadah berbahaya methamphetamine sejumlah berat 156.58g iaitu dadah berbahaya yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952. SP5 di dalam keterangannya telah membutirkan kaedah dan langkah-langkah yang dilaksanakannya bagi analisa ke atas serbuk dan ketulan-ketulan bahan yang disyaki dadah tersebut dan dapatan terhadap analisa yang dijalankannya. Laporan analisa juga dikemukakan ('P31').

[12] Mahkamah ini setelah meneliti keterangan ahli kimia ('SP5') yang diberikan dengan begitu terperinci, berpuas hati ke atasnya dan menerima keterangan ahli kimia tersebut tanpa apa-apa keraguan bahawa dadah terlibat adalah dadah berbahaya, iaitu methamphetamine seberat 156.58g seperti

yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952. Pihak pembelaan juga tidak membuat apa-apa cabaran ke atas keterangan dan kaedah analisa dan dapatan oleh SP5 tersebut. Dalam menerima keterangan SP5, mahkamah ini merujuk dan menerima pakai prinsip yang telah diputuskan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 1 CLJ 85; *Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor* [1994] 2 CLJ 151; *Chu Tak Fai v Public Prosecutor* [2006] 4 CLJ 931; *Mohamad Sofri Che Ani v Public Prosecutor* [2009] 1 LNS 113 dan *Munusamy Vengadasalam v Public Prosecutor* [1987] CLJ (Rep) 221.

[13] Secara keseluruhannya pihak pendakwaan telah memanggil seramai sepuluh orang saksi dalam membuktikan kes pertuduhan ke atas tertuduh. Sejumlah 39 ekshibit juga telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PIHAK PEMBELAAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[14] Pihak pembelaan membangkitkan isu mengenai penggunaan kereta PCD 5265. Mengikut keterangan SP6 iaitu Ketua Unit Rekod di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang, kereta PCD 5265 didaftarkan di atas nama New Bob Management Sdn Bhd ('P32'). SP8 (Jeyabalan) iaitu pembantu peribadi kepada Pengarah Urusan New Bob Group of Companies, mengatakan New Bob Management Sdn Bhd adalah merupakan salah sebuah anak syarikat di bawah New Bob Group of Companies. Menurut SP8 beliau telah mengenali tertuduh sejak tertuduh diambil bekerja pada 12 Disember 2001 dan tahu bahawa tertuduh sebagai pekerja di bawah New Bob Management Sdn Bhd telah diuntukkan sebuah kereta bagi kegunaannya iaitu PCD 5265. SP8 telah mengemukakan surat lantikan tertuduh ('P39'). Di dalam keterangannya SP8 mengatakan walaupun kereta PCD 5265 diuntukkan kepada tertuduh tetapi tertuduh tidak mempunyai hak eksklusif dalam penggunaan kereta tersebut. Oleh itu kereta itu mungkin juga boleh digunakan oleh pekerja lain. Peguam yang bijaksana menghujahkan siasatan sepatutnya dibuat bagi mengetahui siapakah yang telah pernah menggunakan kereta tersebut sebelum tertuduh pada hari kejadian dan oleh itu tertuduh wajar diberi faedah keraguan.

[15] Pihak pembelaan juga mencabar keterangan SP4 dengan mengatakan barang kes yang dijumpai oleh SP4 tersebut tidak dijumpai di tempat letak kaki bahagian pemandu tetapi sebenarnya dijumpai daripada bawah tempat duduk pemandu dan oleh yang demikian tertuduh tiada punyai pengetahuan terhadap kewujudan barang kes tersebut. Peguam menghujahkan adalah tidak munasabah untuk barang kes diletak di bahagian kaki pemandu kerana ianya akan mengganggu pemanduan kereta apabila barang kes itu boleh bergerak berselerak di tempat tersebut semasa kereta bergerak.

[16] Peguam yang bijaksana juga menghujahkan pihak pendakwaan gagal membuktikan 'trafficking' seperti yang diperuntukkan di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Peguam menghujahkan bahawa tiada keterangan yang menunjukkan tertuduh melakukan apa-apa perlakuan yang boleh dikatakan sebagai 'trafficking'. Peguam merujuk kepada kes *Arumugam Periasamy v Public Prosecutor* [2005] 3 CLJ 685; *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 4 CLJ 649 dan *Public Prosecutor v Nik Ahmad Aman bin Nik Mansor* [2002] 2 AMR 2515 bagi menyokong hujahnya dalam isu ini.

[17] Peguam yang bijaksana juga menghujahkan baju kemeja berwarna pink yang dikatakan dipakai oleh tertuduh di mana dua paket dadah dijumpai dalam bungkusan berwarna putih ('P12') telah tidak dikemukakan sebagai ekshibit oleh pihak pendakwaan dan dengan itu adalah diragui bahawa baju tersebut benar-benar wujud dan dipakai oleh tertuduh. Pihak pembelaan mengatakan pada hari kejadian ia adalah hari bekerja dan tertuduh memakai baju berwarna putih iaitu baju syarikat. Peguam juga menghujahkan keterangan SP4 yang mengatakan dua paket dadah dijumpai dari poket baju kemeja yang dipakai oleh tertuduh adalah bermotif untuk mengaitkan tertuduh dengan dadah yang ditemui di lantai kereta tersebut.

[18] Peguam juga menghujahkan jika tertuduh punyai pengetahuan ke atas kewujudan barang kes di dalam kereta tersebut semasa SP4 memperkenalkan diri sebagai polis, tertuduh berpeluang untuk menghidupkan enjin kereta dan lari dari situ tetapi tertuduh tidak berbuat demikian. Oleh itu peguam menghujahkan reaksi tertuduh yang tidak cuba melarikan diri adalah lebih konsisten dengan reaksi orang yang tidak melakukan apa-apa kesalahan dan ketiadaan pengetahuan ke atas dadah tersebut.

[19] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana menghujahkan kes terhadap tertuduh telah dibuktikan melalui keterangan secara langsung dan keterangan mengikut keadaan bahawa tertuduh mempunyai milikan ke atas dadah terlibat. Timbalan pendakwa raya menghujahkan keterangan adalah jelas bahawa semasa kereta PCD 5265 dilihat dan diserbu hanya tertuduh sahaja berada di dalamnya. Dadah dalam kertas bungkusan putih (P12) dijumpai dari badan tertuduh iaitu poket baju kemeja yang dipakai oleh tertuduh. Dadah dalam beg plastik hitam ('P15'), dalam kotak ('P21') dan dalam sampul warna kecoklatan ('P24') dijumpai di lantai bahagian tempat kaki tertuduh dan mudah dilihat kerana tidak tersorok. Timbalan pendakwa raya merujuk kepada kes *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] MLJ 237; *Public Prosecutor v Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337; *Zulfikar bin Mustaffa v Public Prosecutor* [2001] 1 SLR 633 dan *Public Prosecutor v Mardani Hussain* [2005] 7 CLJ 495 bagi menyokong hujahnya. Dalam isu baju yang dipakai oleh tertuduh, TPR menghujahkan keterangan SP4 adalah kredible untuk diterima bahawa pada masa ditahan dan diperiksa tertuduh

memakai baju kemeja berwarna pink bertulis 'GMV' dan keterangan SP4 tersebut disokong oleh laporan polis SP4 ('P9') dan borang bongkar ('P8') yang mencatitkan tertuduh memakai baju kemeja berwarna pink jenama GMV. Keterangan SP4 terhadap jumpaan P12 dari poket baju yang dipakai oleh tertuduh juga disokong oleh keterangan SP7 iaitu seorang lagi pegawai serbuan. Begitu juga keterangan bagi jumpaan P15, P21 dan P24 disokong oleh keterangan SP7. Dalam isu kewujudan dadah terlibat di dalam kereta tersebut, timbalan pendakawa raya merujuk kepada kes *Surentheren a/l Selvaraja v Public Prosecutor* [2005] 2 CLJ 264 bagi menyokong hujahnya.

[20] Mahkamah Rayuan dalam kes *Surentheren a/l Selvaraja* mengatakan:

> It was not for the court, at the close of the prosecution case to provide a defence for the appellant and speculate on the probability that for example, someone else had left the bag (drugs) in the appellant's car without his knowledge. Unless there were elements in the evidence of the prosecution case itself pointing to such a probability, it must not be entertained.

[21] Timbalan pendakwa raya menghujahkan oleh kerana dadah terlibat melebihi daripada berat minima statutori, maka peruntukan anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah terpakai. Sebagai alternatif, beliau menghujahkan oleh kerana dadah itu telah dibawa oleh tertuduh ke tempat kejadian dari satu tempat yang lain dengan menggunakan kereta tersebut, maka s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai bahawa tertuduh telah melakukan 'trafficking' dadah tersebut.

TUGAS MAHKAMAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[22] Di akhir kes pendakwaan, mahkamah ini perlu memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh di atas pertuduhan yang dihadapinya mengikut s 180 Kanun Prosedur Jenayah.

[23] Seksyen 180 Kanun tersebut memperuntukkan:

(1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.

(2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.

(3) If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.

[24] Langkah-langkah yang perlu diambil oleh mahkamah dalam menentukan satu kes prima facie telah dibuktikan atau sebaliknya di akhir kes pendakwaan telah digariskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, seperti berikut:

(i) at the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a prima facie case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a prima facie case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict; and

(iv) after the defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263.

[25] Di atas prinsip yang disebutkan di atas, mahkamah ini di peringkat akhir kes pendakwaan perlu membuat penilaian maksima ke atas kes pendakwaan dan kredibiliti saksi-saksi pendakwaan bagi menentukan sama ada satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[26] Mahkamah perlulah berpuas hati bahawa intipati-intipati pertuduhan telah dibuktikan bagi satu kes prima facie dikatakan telah dapat dibuktikan. Dalam kes *Public Prosecutor v Ouseng Sama-Ae* [2008] 1 CLJ 397 di ms 342, Gopal Sri Ram HMR (ketika itu) menggariskan intipati yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan jika anggapan di bawah s 37(da) Akta hendak digunakan adalah seperti berikut:

> Now, in order to establish a prima facie case against the accused by reliance on the presumption under s 37(da) of the Act, the prosecution had to prove: (i) that the accused was in actual possession of the drug in question; and (ii) that the accused at the material time had knowledge of the drug found to be in his possession, that is to say that he had 'mens rea possession'.

[27] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209 telah membincangkan maksud perkataan 'possession' di antara lain memetik dan menyatakan:

> Thompson J in *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] MLJ 237, said 'possession' for the purposes of criminal law involves possession itself — which some authorities term 'custody' or 'control' — and knowledge of the nature of thing possessed. As to possession itself he cited the following definition in Stephen's Digest (9th Ed, p 304), in which the exclusive element mentioned by Taylor J appears:
>
> > A moveable thing is said to be in the possession of a person when he is so situated with respect to it that he has the powers to deal with it as owner to the exclusion of all other persons, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case need.
>
> Once the elements needed to constitute possession are established, including the element of exclusive power to deal, when what is established is possession, not exclusive possession. So much for exclusive possession.

[28] Mahkamah Persekutuan selanjutnya dalam kes tersebut telah merujuk dan memetik kes *Leow Nghee Lim v Reg* [1955] 1 LNS 53 di mana Taylor J dalam membincangkan maksud 'possession' mengatakan:

> … It is often said that 'possession must be exclusive'. This is ambiguous. Possession need not be exclusive to the accused. Two or more persons may be in joint possession of chattels, whether innocent or contraband. The exclusive element of possession means that the possessor or possessors have the power to exclude other persons from enjoyment of the property. Custody likewise may be sole or joint and has the same element of excluding others. The main distinction between custody and possession is that a custodian has not the power of disposal. The statement that 'possession must be exclusive' is often due to confusion of the fact to be proved with the evidence by which it is to be proved. It is essential to keep this distinction clearly in mind, especially when applying presumptions.

[29] Dalam kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman Augustine Paul HMP telah membincangkan dengan terperinci terhadap apa yang dimaksudkan sebagai elemen pengetahuan, di antara lain merujuk kepada kes-kes seperti *Chan Chwee Kong v Public Prosecutor* [1962] MLJ 307; *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; *Public Prosecutor v Phua Keng Tong* [1986] 2 MLJ 279; *Emmanuel Yaw Teiku v Public Prosecutor* [2006] 5 MLJ 209; *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259 dan *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1, dan merumuskan:

A The law is clear and well settled. Proof of knowledge is very often a matter of inference. The material from which the inference of knowledge can be drawn varies from case to case. It would be sufficient for the prosecution to proof facts from which it could properly be inferred that the accused had the necessary knowledge.

B **[30]** Jelasnya dari kes autoriti di atas unsur pengetahuan boleh dirumuskan atau dibuat inferens berpandukan kepada merit dan keadaan yang terdapat di dalam kes itu sendiri yang mungkin berbeza di antara satu kes dengan kes yang lain. Malahan unsur kedekatan (proximity) tertuduh dengan dadah yang menjadi perkara pertuduhan juga menjadi antara keadaan atau elemen C dalam membuat inferens bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap dadah terlibat dan seterusnya mempunyai milikan terhadap dadah tersebut.

[31] Dalam kes *Public Prosecutor v Karim Ab Jabar* [2008] 5 CLJ 173, D Mahkamah Rayuan yang membenarkan rayuan pendakwa raya terhadap keputusan hakim bicara yang membebaskan tertuduh tanpa dipanggil membela diri mengatakan:

The learned judge having accepted the prosecution's evidence as to the finding of the drugs, the identification of the police officers and the scuffle, failed to direct E himself as to the proximity of the drugs to the respondent. There was added circumstance that the respondent was driving the car form one point to another with the drug in it. As such, the respondent was found conveying the drugs. Further, the quantity of the drugs discovered was far in excess of that he would require for his personal use, if any. The irresistible inference that the learned trial judge to have drawn from the totality of evidence was that the respondent was F conveying the drugs for the purpose of trafficking in it.

[32] Mahkamah ini juga mengingati dirinya terhadap prinsip undang-undang yang melibatkan elemen-elemen yang perlu juga dilihat G dalam memutuskan sama ada unsur 'trafficking' wujud. Dalam kes *Public Prosecutor v Razali Johari* [2009] 2 CLJ 133, Gopal Sri Ram HMR (ketika itu) mengulangi memperingatkan prinsip undang-undang berikut:

It has been repeatedly held that to constitute trafficking there must be proof of some overt act on the part of an accused and that mere passive possession is H insufficient. See, *Public Prosecutor v Hairuldin Zainal Abiden* [2001] 6 CLJ 480. And for the prosecution to be able to rely on the presumption of trafficking under s 37(da), there must be evidence of circumstances from which a court may draw the irresistible inference that the accused had mens rea possession before the court can hold an accused as having been found in possession of a dangerous drug.

I

PENILAIAN KE ATAS KETERANGAN PENDAKWAAN DAN DAPATAN OLEH MAHKAMAH

[33] Di atas panduan dan prinsip undang-undang yang telah dibutirkan di

atas, mahkamah ini meneliti keterangan saksi-saksi pendakwaan, khususnya keterangan oleh saksi-saksi utama iaitu SP4 (pengadu yang juga merupakan pegawai serbuan), SP7 (pegawai serbuan), SP8 (pembantu peribadi kepada pengarah urusan New Bob Group of Companies) dan SP5 (ahli kimia). A

[34] SP4 Cif Insp. Rajaram mengatakan selepas lebih kurang 20 minit membuat pemerhatian, SP4 melihat kereta jenis Proton Saga nombor PCD 5265 yang dipandu oleh tertuduh membelok dari arah Jalan Burmah dan masuk ke Jalan Rangoon dan berhenti di petak letak kereta di tepi jalan di hadapan Lai Lai Supermarket, Jalan Rangoon. Setelah melihat kereta itu berhenti lebih kurang 30 saat, SP4 berserta SP7 dan anggotanya telah menghampiri kereta tersebut. Ketika SP4 dan pasukannya sampai di kereta itu, enjin kereta tersebut didapati telah pun dimatikan oleh pemandunya. Tertuduh berada di bahagian pemandu dan hanya tertuduh di dalam kereta tersebut. Semua tingkap kereta dalam keadaan tertutup. Ketika SP4 pertama kali nampak kereta yang dipandu oleh tertuduh masuk dari arah Jalan Burmah hanya tertuduh sahaja yang dilihat berada di dalam kereta tersebut. Penglihatan SP4 dari tempat pemerhatiannya ke arah tempat tertuduh memberhentikan keretanya tidak terhalang oleh apa-apa objek dan oleh itu SP4 dapat melihat kereta PCD 5265 dan tertuduh ketika mula membelok dari simpang Jalan Burmah dan memasuki Jalan Rangoon dan seterusnya berhenti di atas petak letak kereta di hadapan Lai Lai Supermarket. Setelah memperkenalkan diri dan apabila mendapati pintu kereta di sebelah pemandu tidak berkunci, SP4 telah membuka pintu kereta tersebut dan ketika itu SP4 melihat terdapat satu beg plastik hitam, satu kotak cardboard dan satu sampul surat berwarna kecoklatan berada di atas lantai tempat letak kaki pemandu kereta. B C D E F

[35] Pemeriksaan ke atas badan tertuduh iaitu pada poket sebelah kiri baju kemeja berwarna pink jenama 'GMV' yang dipakai oleh tertuduh, SP4 telah menjumpai satu kertas bungkusan putih ('P12') yang berisi dua paket lut sinar setiap satu mengandungi serbuk dan ketulan-ketulan warna jernih yang kemudian disahkan oleh SP5 sebagai methamphetamine seberat 7.16g. Tertuduh kelihatan terkejut dan pucat semasa SP4 memeriksa bungkusan P12 tersebut. G H

[36] Keterangan SP4 terhadap serbuan dan pemeriksaan serta jumpaan satu bungkusan putih ('P12') yang mengandungi dua paket lut sinar dari poket baju kemeja yang dipakai oleh tertuduh tersebut disokong oleh keterangan Cif Insp Ahmad Sidi Mohd Lazin ('SP7') yang juga pegawai serbuan yang hadir sama semasa pemeriksaan ke atas tertuduh dan jumpaan oleh SP4 tersebut. SP7 mengatakan beliau menyertai pasukan serbuan dan melihat kedatangan tertuduh ke tempat kejadian dengan memandu kereta PCD 5265 tersebut seorang diri. Setelah kereta itu berhenti kira-kira 30 saat, I

SP7 bersama SP4 dan anggota telah pergi ke kereta PCD 5265 itu. Setelah pintu kereta dibuka oleh SP4 dan tertuduh keluar, SP7 menyaksikan pemeriksaan ke atas badan tertuduh oleh SP4 di mana SP4 telah menjumpai P12 dari poket baju yang dipakai oleh tertuduh. SP7 mengatakan pada masa pemeriksaan itu tertuduh kelihatan takut. SP7 juga mengatakan pada masa SP4 membuka pintu kereta di bahagian pemandu, SP7 juga melihat satu beg plastik hitam, satu kotak cardboard dan satu sampul surat warna kecoklatan berada di atas lantai bahagian tempat letak kaki pemandu. P15, P21 dan P24 tersebut boleh dilihat dengan mudah apabila pintu kereta sebelah pemandu dibuka kerana kedudukannya tidak tersorok.

[37] Laporan polis Jalan Patani Rpt 5177-8/2002 ('P9') oleh SP4 mencatitkan jumpaan bungkusan putih bertulis 'Good and Prompt Service' ('P12') dan dua paket plastik lut sinar (P13 (1&2) dan gambar P5B) berisi serbuk dan ketulan jernih dijumpai dari poket sebelah kiri baju kemeja yang dipakai tertuduh. Borang bongkaran ('P8') yang disediakan oleh SP4 juga mencatitkan bungkusan putih yang mengandungi dua paket plastik lut sinar berisi serbuk dan ketulan jernih dijumpai dari poket sebelah kiri baju kemeja jenama 'GMV' yang dipakai oleh tertuduh. Butiran-butiran barang kes dan tempat jumpaannya yang dicatit dalam di dalam P8 dan P9 tersebut adalah konsisten dengan keterangan SP4. Ia juga konsisten dengan keterangan SP7.

[38] Di atas keterangan oleh SP4 dan disokong oleh SP7 serta catitan yang terdapat dalam laporan polis P9 serta borang bongkaran P8, mahkamah ini menerima keterangan oleh pihak pendakwaan bahawa bungkusan putih ('P12') yang terdapat dua paket plastik lut sinar yang mengandungi serbuk dan ketulan-ketulan jernih iaitu methamphetamine seberat 7.16g adalah dijumpai dari poket sebelah kiri baju kemeja yang dipakai oleh tertuduh. Ketiadaan baju tersebut dikemukakan sebagai ekshibit oleh pihak pendakwaan tidak mencacatkan kes pendakwaan terhadap perkara ini atau mengundang pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950.

[39] Sebaik selesai memeriksa badan tertuduh, SP4 memeriksa beg plastik hitam ('P15') yang terdapat di atas lantai bahagian kaki pemandu. SP4 mendapati beg plastik hitam tersebut mengandungi 21 paket-paket plastik kecil lut sinar berisi bahan-bahan serbuk dan ketulan-ketulan disyaki dadah dalam pelbagai warna (gambar P6E dan F). Daripada 21 paket-paket plastik tersebut sejumlah 18 paket plastik lut sinar adalah berisi serbuk dan ketulan jernih, satu paket plastik lut sinar berisi serbuk berwarna putih, satu paket plastik lut sinar berisi serbuk berwarna biru dan satu paket plastik lut sinar berisi serbuk berwarna hijau.

[40] SP5 (ahli kimia) mengesahkan 18 paket plastik lut sinar yang berisi serbuk berwarna jernih adalah dadah methamphetamine seberat 58.84g. Bagi

satu paket plastik lut sinar berisi serbuk berwarna putih SP5 mengesahkan ianya adalah dadah katemin seberat 5.36g (dadah ini tidak menjadi sabjek pertuduhan ke atas tertuduh dalam kes di hadapan mahkamah ini dan oleh itu mahkamah tidak mengambilkira dadah ini dalam pertimbangan kes terhadap tertuduh). Bagi satu paket plastik lut sinar berisi serbuk berwarna biru SP5 mengesahkan ianya adalah dadah methamphetamine seberat 0.24g. Bagi satu paket plastik lut sinar berisi serbuk berwarna biru SP5 mengesahkan ianya adalah dadah methamphetamine seberat 0.12g. Semua paket-paket yang disebutkan ini adalah paket-paket yang terdapat dalam beg plastik hitam ('P15').

[41] Di tempat yang sama di mana beg plastik hitam ('P15') ditemui, SP4 juga menemui satu kotak cardboard ('P21') yang mengandungi satu paket plastik besar lut sinar berisi serbuk dan ketulan-ketulan jernih (gambar P6I). SP5 mengesahkan serbuk dan ketulan jernih tersebut adalah dadah methamphetamine seberat 84.67g.

[42] Turut dijumpai ditempat yang sama di mana P15 dan P21 ditemui ialah satu envelop berwarna kecoklatan ('P24') mengandungi sembilan paket plastik kecil berisi pil-pil bercop 'WY' yang juga terdiri dari pelbagai warna (gambar P6K). Paket plastik kecil pertama berisi 160 biji pil berwarna merah bata dan satu biji pil berwarna hijau. Paket kedua berisi 109 biji pil berwarna merah bata dan satu biji pil berwarna hijau. Paket ketiga berisi 167 biji pil berwarna merah bata dan dua biji pil berwarna hijau. Paket keempat berisi 99 biji pil berwarna merah bata dan satu biji pil berwarna hijau. Paket kelima berisi 102 biji pil berwarna merah bata. Paket keenam berisi 95 biji pil berwarna oren dan satu biji pil berwarna hijau. Paket ketujuh berisi 50 biji pil berwarna merah bata. Paket kelapan berwarna 40 biji pil berwarna oren. Paket kesembilan berisi 10 biji pil berwarna oren. Jumlah keseluruhan pil dalam sembilan paket plastik tersebut ialah sebanyak 841 biji.

[43] SP5 (ahli kimia) mengesahkan daripada 841 biji pil yang telah dianalisanya, sejumlah 687 pil berwarna merah bata didapati mengandungi dadah methamphetamine seberat 5.06g; 145 biji pil berwarna oren didapati mengandungi 0.47g methamphetamine; dan enam biji pil berwarna hijau didapati mengandungi 0.02g methamphetamine.

[44] SP7 dalam keterangannya mengatakan ada melihat beg plastik hitam ('P15'), kotak card board ('P21') dan sampul surat kecoklatan ('P24') terletak di bahagian kaki pemandu kereta PCD 5265 sebaik pintu kereta dibuka dan tertuduh turun dari kereta setelah diarahkan turun oleh SP4. SP7 melihat SP4 memeriksa P15, P21 dan P24 yang mengandungi paket-paket plastik

bersisi serbuk dan ketulan tersebut. SP7 mengatakan kedudukan P15, P21 dan P24 adalah terdedah dan boleh dengan mudah dilihat apabila pintu kereta bahagian pemandu dibuka.

[45] Laporan polis SP4 ('P9') dan Borang Bongkaran ('P8') mencatitkan P15, P21 dan P24 serta kandungan masing-masing dijumpai di tempat letak kaki bahagian pemandu dalam kereta PCD 5265 ('P28'). P8 dan P9 adalah konsisten dengan keterangan SP4 dan SP7 dalam hal jumpaan dan tempat jumpaan P15, P21 dan P24 tersebut.

[46] Semasa memberi keterangan di mahkamah, SP4 telah membuat tandaan 'X1', 'X2' dan 'X3' dalam gambar P5M sebagai tempat P15 (beg plastik hitam), P21 (kotak 'Regent Air Pump') dan P24 (sampul warna kecoklatan) ditemui olehnya di dalam kereta PCD 5265 tersebut.

[47] Di atas keterangan oleh SP4 yang disokong oleh keterangan SP7 dan laporan polis Jalan Patani Rpt 5177-8/2002 ('P9'), Borang Bongkar (P8) serta gambar P5M (gambar kereta PCD 5265) yang ditandakan dengan tanda 'X1', 'X2' dan 'X3' sebagai tempat jumpaan barang kes P15, P21 dan P24, dan keterangan SP4 dan SP7 yang konsisten dan tidak goyah, mahkamah ini menerima keterangan SP4 dan SP7 tersebut bahawa beg plastik hitam ('P15'), kotak cardboard ('P21') dan sampul berwarna kecoklatan ('P24') yang berisi kandungan masing-masing adalah ditemui di atas lantai bahagian pemandu kereta PCD 5265 yang pada ketika diserbu dan diperiksa adalah dipandu oleh tertuduh. Keterangan SP4 dan SP7 adalah jelas. Mahkamah ini mendapati bukanlah sesuatu yang tidak munasabah untuk P15, P21 dan P24 boleh diletakkan di situ kerana masih terdapat ruang bagi pemandu untuk memandu dan meletakkan kaki di bahagian pedal kenderaaan dengan selesa semasa memandu (gambar P5M). Mahkamah juga menerima keterangan SP7 bahawa P15, P21 dan P24 tersebut dalam keadaannya yang terletak di atas lantai bahagian pemandu adalah dengan mudah boleh dilihat dan tidak tersorok dari pandangan seperti mana yang SP7 dapat melihatnya semasa SP4 membuka pintu kereta di sebelah pemandu. Mahkamah ini menerima keterangan SP4 dan SP7 tersebut sebagai saksi-saksi yang kredible (*Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263). Walaupun cabaran dibuat terhadap keterangan mereka tetapi SP4 dan SP7 tidak goyah dan konsisten dengan keterangan yang telah diberikan itu. Mahkamah tidak diajukan dengan apa-apa motif untuk mengatakan SP4 dan SP7 sengaja mengada-adakan keterangan terhadap tertuduh.

[48] Keterangan kes pihak pendakwaan diperkukuhkan lagi oleh keterangan SP8 yang mengatakan kereta PCD 5265 tersebut adalah diuntukkan oleh syarikat bagi kegunaan tertuduh dalam menjalankan tugasnya selaku egen hartanah. SP8 yang menjadi pembantu peribadi kepada

pengarah urusan New Bob Group of Companies dan telah mengenali tertuduh sejak tertuduh mula diambil bekerja pada 12 Disember 2001 ('P39') adalah saksi bebas dan tidak mempunyai apa-apa motif buruk terhadap tertuduh. Oleh yang demikian apabila tertuduh didapati pada masa kejadian sedang memandu kereta PCD 5265 tersebut ianya bukanlah sesuatu yang accidental. Kecuali SP8 ada mengatakan tertuduh tidak mempunyai kegunaan eksklusif ke atas kereta tersebut kerana kereta tersebut hak syarikat, SP8 tidak dicabar di atas keterangannya bahawa tertuduh telah diuntukkan kereta tersebut oleh syarikat bagi kegunaannya. Keterangan oleh SP8 tersebut juga membawa maksud bahawa tertuduh telah menggunakan kereta PCD 5265 tersebut selama lebih kurang tujuh bulan sebelum tarikh kejadian (24 Julai2002). Mahkamah ini menerima keterangan SP8 sebagai saksi yang kredible.

[49] Di atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan terhadap jumpaan satu bungkusan putih ('P12') yang mengandungi dua paket dadah methamphetamine dari poket kiri baju kemeja berwarna pink jenama 'GMV' yang dipakai oleh tertuduh; jumpaan P15, P21 dan P24 bersama kandungan masing-masing yang mahkamah ini telah butirkan yang terletak di bahagian tempat letak kaki bahagian pemandu kereta PCD 5265; kedudukan P15, P21 dan P24 yang dengan mudah boleh dilihat dan tidak berada di tempat yang tersembunyi; keterangan bahawa hanya tertuduh sahaja yang dilihat memandu dan berada dalam kereta PCD 5265 pada ketika berhenti, masa serbuan dan pemeriksaan dan dadah terlibat telah dibuktikan identiti, jenis dan beratnya; keadaan tertuduh yang terkejut dan pucat semasa pemeriksaan, keterangan SP8 bahawa kereta tersebut diuntukkan dan digunakan oleh tertuduh, maka mahkamah ini di atas pertimbangan maksima ke atas kes pendakwaan mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan intipati-intipati pertuduhan yang mahkamah ini akan menjelaskan lanjut di bawah ini dan dengan itu berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh seperti dipertuduhan. Dalam mencapai keputusan kes prima facie tersebut mahkamah ini berpuas hati ke atas identiti barang kes iaitu dadah terlibat yang telah dibuktikan tanpa keraguan sebagai dadah yang sama yang dirampas dan dikemukakan di mahkamah ini. Tiada terdapat mana-mana lompangan dalam rantaian keterangan dan pengendalian barang kes. Mahkamah juga seperti yang diputuskan awalnya mendapati jenis dan berat dadah telah dibuktikan tanpa keraguan. Kedekatan (proximity) tertuduh dengan dadah di atas lantai bahagian pemandu adalah terlalu dekat untuk tidak diketahui atau tidak dilihat oleh tertuduh lebih-lebih lagi ianya tidak dalam keadaan tersorok atau tersembunyi. Tertuduh dengan mudah boleh membuka dan memeriksa P15, P21 dan P24 tersebut. Oleh yang demikian mahkamah ini mendapati tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas P12, P15, P21 dan P24 berserta kandungan masing-masing. Adalah dapatan oleh mahkamah ini bahawa tertuduh mempunyai

pengetahuan dan milikan sebenar ke atas semua dadah methamphetamine yang telah dijumpai itu iaitu dari badan tertuduh dan di atas lantai bahagian kaki tempat duduk pemandu dalam kereta PCD 2565 tersebut.

[50] Dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814, Augustine Paul H (ketika itu) mengatakan seperti berikut:

> There are many circumstances from which an inference can be drawn. One such circumstances is the weight of the drugs involved. Where, for example, the quantity of drugs involve is large it can be inferred that they were not kept for personal consumption (see *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181). This will facilitate the inference that they were kept for the purpose of trafficking. Where the quantity is very small in can be inferred that they were kept for personal consumption and therefore not for trafficking. The object of s 37(da) of the Act is therefore to enable the court to draw a statutory inference of trafficking based on the quantity of drug possessed. It must be realised that the basic facts, once proved, create the substantive offence of trafficking by way of a presumption in the absence of direct evidence of that effect. The basic facts, once established, do not in any way control or narrow down the meaning of 'trafficking'.

[51] Oleh kerana berat dadah berbahaya, iaitu methamphetamine terlibat adalah melebihi daripada berat minima statutori, maka peruntukan anggapan di bawah s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah terpakai di dalam kes ini bahawa dadah tersebut adalah bagi tujuan pengedaran. Dalam kes ini berat dadah methamphetamine terlibat ialah sejumlah 156.58g. Dengan melihat kepada faktor-faktor seperti jumlah berat dadah, bentuk dan cara dadah tersebut dibungkus di dalam paket-paket plastik kecil dan paket besar dan dibahagikan di dalam bungkusan berasingan masing-masing iaitu bungkusan putih P12 (dua paket kecil — gambar P5B); beg plastik hitam P15 (21 paket kecil — gambar P5E dan F); kotak cardboard P21 (satu bungkusan besar — gambar P5I) dan sampul surat berwarna kecoklatan P24 (sembilan paket kecil — gambar P5K), adalah juga inferens oleh mahkamah ini bahawa dadah tersebut adalah dimaksudkan bagi tujuan pengedaran (lihat *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; *Public Prosecutor v Abdul Rahim Kalandari Mustan* [2008] 5 CLJ 108; *Public Prosecutor v Ong Ah Chuan* [1981] 1 MLJ 64).

[52] Fakta juga menunjukkan dadah tersebut telah dibawa dari satu tempat lain ke satu tempat yang lain, iaitu dalam kes ini ke tempat kejadian dan dengan itu ianya boleh tergolong dalam maksud 'trafficking' seperti yang didefinasikan di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (*Public Prosecutor v Lim Hock Boon* [2009] 3 MLJ 604; [2009] 3 CLJ 430; [2009] 1 LNS 53). Pun begitu bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di atas dapatan mahkamah ini, adalah dapatan mahkamah ini bahawa tertuduh mempunyai milikan

sebenar (actual possession) terhadap dadah terlibat dan oleh yang demikian kes pihak pendakwaan tidak perlu bergantung kepada s 2 Akta tersebut.

[53] Di atas huraian terhadap keterangan yang telah mahkamah ini bentangkan di atas dan berpandukan kepada prinsip-prinsip undang yang telah disebutkan di perenggan-peranggan di atas serta dapatan oleh mahkamah ini seperti yang telah dinyatakan di atas, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati tertuduh mempunyai pengetahuan dan milikan mens rea ke atas dadah tersebut. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh seperti yang mahkamah ini telah nyatakan terdahulunya. Tertuduh dengan itu diperintahkan membela diri terhadap pertuduhan tersebut. Tiga pilihan memberi keterangan pembelaan diri telah diterangkan dan diterjemahkan kepada tertuduh dengan penjelasan kaedah tatacara keterangan. Tertuduh setelah berunding dengan peguam yang bijaksana memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

PEMBELAAN DIRI TERTUDUH

[54] Di permulaan prosiding bagi pembelaan diri, peguam yang bijaksana memohon untuk memanggil majikan tertuduh untuk memberi keterangan terlebih dahulu disebabkan saksi tersebut punyai tugas lain yang perlu dihadiri segera. Timbalan pendakwa raya yang bijaksana telah membantah di atas permohonan tersebut dengan menghujahkan tertuduh perlulah memberi keterangan dahulu sebelum boleh memanggil saksi pembelaan yang lain. Mahkamah ini telah menolak bantahan timbalan pendakwa raya dan membenarkan permohonan peguam. Mahkamah berpendapat proviso di bawah s 181 Kanun Prosedur Jenayah tidak menjadikan ianya suatu tatacara yang mandatori dan substantif bahawa tertuduh hendaklah memberi keterangan terlebih dahulu sebelum saksi-saksi lain. Ianya lebih merupakan suatu amalan tatacara melalui perkataan 'provided always' yang terdapat di dalam proviso kepada s 181 tersebut. Mahkamah ini akan merujuk kepada keterangan majikan tertuduh ('DW1') kemudiannya setelah membincangkan keterangan pembelaan tertuduh ('DW2') terlebih dahulu.

[55] Oleh kerana keterangan pembelaan diri tertuduh tidak panjang, adalah elok mahkamah ini menurunkan sepenuhnya keterangan pembelaan diri tertuduh semasa pemeriksaan utama bagi kemudahan rujukan dan pertimbangan terhadapnya:

> Pada 24 Julai 2002 saya bekerja dengan New Bob Management. Saya bekerja di situ selama lebih kurang 7 bulan. Saya bekerja sebagai pembantu pejabat. Dalam menjalankan tugas-tugas harian saya, saya terpaksa gunakan kereta. Saya tidak tahu berapa orang bekerja sebagai office assistant. Saya sendiri boleh gunakan dua buah kereta iaitu Proton Saga dan satu jenis Tiara. Kereta proton itu saya tidak ingat nombor plat tapi warna silver. Lebih kurang 10 orang kakitangan dalam pejabat

boleh gunakan kereta proton ini. Jika nak gunakan, saya terpaksa pohon kepada setiausaha pejabat. Saya dikehendaki mencatit nama saya dalam buku rekod seperti nama, destinasi tempat, waktu gunakan kereta dan waktu kembali. Semua orang perlu tulis seperti itu. Bila balik dan letak kereta dan tulis di dalam buku masa balik dan pulang balik kunci kereta kepada setiausaha.

Pada 24 Julai 2002 pada pagi itu saya datang kerja seperti biasa ke pejabat. Pagi itu saya dipanggil oleh Dato' untuk bincang kerja-kerja pejabat. Pada pagi itu saya tak ada gunakan kereta Proton Silver itu. Saya juga tidak tahu siapa ada guna kereta itu pada pagi itu. Pada petang itu saya ada gunakan kereta proton silver itu untuk pergi kerja lebih kurang jam 3.30 petang apabila Dato' arahkan saya untuk letakkan papan tanda 'For Sale' atau 'For Rent'. Saya ambil kereta proton dari basement syarikat. Bila saya buka pintu kereta tidak nampak apa-apa. Saya letak posters dan banners ke dalam kereta di atas seat depan iaitu seat penumpang sebelah kiri. Saya tidak nampak apa-apa di atas lantai tempat duduk pemandu. Tempat pertama saya pergi ialah ke Jalan Ragoon untuk letakkan posters di sebuah premis di jalan itu. Saya letak kereta di hadapan sebuah supermarket bernama Lai Lai di Jalan Ragoon. Sebelum saya sempat keluarkan poster dari dalam kereta, seramai 4–5 orang serbu saya. Mereka perkenalkan sebagai anggota polis. Mereka beritahu saya supaya keluar. Saya keluar dari kereta. Mereka ada periksa badan saya. Mereka tidak jumpa apa-apa barang salah dari badan saya. Mereka tidak ada jumpa satu envelope putih dari badan saya. Pada hari itu saya pakai uniform kemeja putih dan ada tulis 'New Bob' pada baju saya. Lepas periksa badan saya, mereka masuk ke dalam kereta dan periksa dalam kereta. Saya nampak polis jumpa sesuatu di dalam kereta. Saya nampak mereka keluarkan sesuatu dari bawah tempat duduk kereta. Saya tidak tahu ada barang disimpan di bawah tempat duduk. Mereka ada tunjuk barang itu kepada saya. Saya rasa terkejut dengan barang yang ada di bawah kerusi itu. Selepas itu saya telah digari dan dibawa balik ke balai. Saya dibawa ke Balai Polis di IPK Penang Road. Saya tidak pernah mengaku bahawa dadah itu saya yang punya. Hingga hari ini saya kata dadah itu bukan saya punya.

[56] Dari keterangan pembelaan diri oleh tertuduh itu, secara lebih ringkas keterangan penting tertuduh mengatakan ia telah bekerja dengan New Bob Management Sdn Bhd sebagai pembantu pejabat selama tujuh bulan sebelum tarikh ditangkap. Pada hari kejadian iaitu 24 Julai 2002 jam lebih kurang 3.30 petang tertuduh telah diarahkan oleh majikannya ('DW1') bagi membuat lawatan dan meletakkan poster di premis untuk sewaan atau premis untuk dijual yang diuruskan oleh New Bob di Jalan Rangoon, Georgetown. Bagi tujuan itu tertuduh telah menggunakan kereta Proton Saga berwarna silver milik New Bob. Semasa berhenti di hadapan Lai Lai Supermarket di Jalan Rangoon iaitu kawasan berhampiran premis yang hendak dilawatinya, dan sebelum sempat tertuduh mengambil poster dan banner yang diletakkan di bahagian kerusi penumpang hadapan kereta, tiba-tiba sekumpulan 4–5 orang lelaki telah datang dan menyerbu ke kereta tertuduh. Mereka telah memperkenalkan diri sebagai polis dan mengarahkan tertuduh keluar dari kereta. Munurut tertuduh pemeriksaan ke atas badannya telah dibuat tetapi pihak polis tidak menjumpai apa-apa barang salah dari badannya. Tertuduh

menafikan pihak polis ada menjumpai satu bungkusan putih (envelop) yang mengandungi dua paket lut sinar berisi dadah dari poket kemeja yang dipakainya. Malahan tertuduh mengatakan pada masa itu tertuduh memakai baju kemeja putih bertulis 'New Bob' iaitu pakaian seragam syarikat dan bukannya baju kemeja berwarna pink yang dikatakan oleh SP4.

[57] Tertuduh mengatakan selepas memeriksa badan tertuduh, pihak polis telah memeriksa bahagian dalam kereta Proton Saga tersebut dan pihak polis telah mengeluarkan sesuatu dari bahagian bawah tempat duduk pemandu dan apabila diperiksa didapati terdapat dadah di dalamnya. Tertuduh menafikan mempunyai pengetahuan ke atas dadah tersebut kerana kedudukannya yang berada di bawah kerusi pemandu tidak boleh dilihat semasa tertuduh memasuki kereta tersebut semasa diambilnya di tempat kerja. Tertuduh mengatakan beliau juga berasa terkejut dengan jumpaan dadah tersebut. Tertuduh mengatakan kereta Proton Saga itu boleh digunakan oleh sepuluh orang lagi staff di pejabatnya. Pada pagi itu tertuduh tidak menggunakan kereta tersebut dan tertuduh tidak tahu siapakah yang gunakan kereta tersebut pada pagi itu.

[58] Di dalam menjawab pemeriksaan balas timbalan pendakwa raya, tertuduh menafikan meletakkan beg plastik hitam ('P15'), satu kotak ('P21') dan sampul surat berwarna brown ('P24') di atas lantai kaki pemandu. Tertuduh juga menafikan yang tertuduh meletakkan dan menyimpan dadah tersebut di situ dan telah pergi ke Jalan Rangoon tersebut dengan pengetahuan kewujudan dadah tersebut. Tertuduh juga menafikan jumpaan bungkusan putih ('P12') dadah dalam poket baju kemeja yang dipakainya. Tertuduh juga mengatakan adalah menjadi kebiasaan tertuduh untuk membuat pemeriksaan ke atas tempat lantai kaki pemandu untuk melihat jika terdapat botol minuman mineral sebelum menggunakan kereta kerana tertuduh pernah mendapati botol minuman mineral ditinggalkan oleh staff lain yang menggunakan kereta itu di atas lantai kaki bahagain pemandu dan telah ganggu pemanduan. Timbalan pendakwa raya juga mencabar keterangan tertuduh dan mengatakan tertuduh pergi ke Jalan Rangoon dan berhentikan kenderaannya di hadapan Lai Lai Supermarket tersebut adalah bukan untuk tujuan urusan New Bob.

[59] Saksi DW1 iaitu majikan tertuduh mengatakan tertuduh telah diambil bekerja sebagai pembantu pejabat (office assistant) pada bulan Disember 2001 ('P39'). Antara tugasan tertuduh selain dari kerja pentadbiran di pejabat adalah untuk melawat premis atau harta tanah yang diuruskan oleh New Bob bagi sewaan atau untuk dijual. Pada pagi tersebut DW1 ada berjumpa tertuduh bagi membincangkan tugasan tertuduh. Selepas perbincangan itu, DW1 meninggal tertuduh bagi meneruskan kerja-kerja pentadbiran pejabat. DW1 mengatakan syarikatnya New Bob

Group of Companies ada mempunyai dua buah kereta bagi kegunaan am staff menjalankan tugas-tugas syarikat iaitu kereta Proton Saga PCD 5265 dan sebuah lagi jenis Tiara. DW1 mengatakan terdapat buku rekod di mana staff yang gunakan kereta perlu merekodkan nama, masa dan tarikh penggunaan kereta tersebut tetapi bagi buku rekod kegunaan kereta PCD 5265 telah hilang kerana kereta tersebut telah ditahan polis sejak 7 tahun yang lalu. DW1 mengatakan kebenaran menggunakan kereta perlu didapatkan dari beliau atau ketua bahagian di syarikat itu. Kunci bagi kereta tersebut dipegang oleh setiausaha DW1 atau pembantu peribadi DW1 bernama Jeyabalan ('SP8'). DW1 mengatakan pada tengah hari tersebut DW1 ada mengarahkan tertuduh supaya pergi memeriksa premis untuk disewa atau dijual yang diuruskan oleh New Bob di Jalan Rangoon dan bagi tujuan itu tertuduh ada membawa poster dan banner.

[60] Menjawab soalan balas timbalan pendakwa raya, DW1 bersetuju bahawa selepas DW1 meninggalkan tertuduh pada pagi itu, DW1 tidak tahu apa yang dibuat oleh tertuduh. DW1 juga bersetuju dengan cadangan timbalan pendakwa raya bahawa apa yang tertuduh buat di luar pejabat tidak ada dalam pengetahuan DW1. DW1 juga bersetuju dengan cadangan timbalan pendakwa raya bahawa jika tertuduh tidak memakai baju syarikat semasa di luar pejabat maka DW1 tidak akan mengetahuinya. DW1 mengatakan DW1 tidak ingat jika DW1 ada memberikan kunci kereta PCD 5265 kepada tertuduh pada hari tersebut. DW1 mengatakan beliau tidak ada pengetahuan dan tidak meletakkan apa-apa dadah dalam kereta PCD 5265 tersebut. DW1 bersetuju bahawa urusan kawalan ke atas kegunaan kereta Proton Saga tersebut bukanlah di bawah kawalan langsungnya pada setiap masa kerana kedudukan beliau selaku pengarah urusan yang lebih menumpukan kepada perkara yang lebih penting dalam menguruskan perniagaan New Bob Group of Companies. Dan oleh itu DW1 bergantung kepada pematuhan ke atas arahan oleh staff sendiri yang perlu menulis dalam buku rekod jika hendak gunakan kereta dan kunci kereta boleh diambil dari setiausaha DW1 atau SP8.

TUGASAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PEMBELAAN

[61] Di akhir pembelaan diri tertuduh adalah menjadi tugas mahkamah untuk menimbangkan samada keterangan pembelaan diri tertuduh telah berjaya menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Seksyen 182A Kanun Prosedur Jenayah menghendaki mahkamah menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan di hadapannya dan hendaklah memastikan sama ada pendakwa telah membuktikan kesnya hingga tiada keraguan munasabah (has proved its case beyond reasonable doubt).

[62] Dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 AMR 321, Mahkamah Persekutuan memberi definasi 'proof beyond reasonable doubt' seperti berikut:

> Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case. Therefore a case can be said to have been proved beyond reasonable doubt only at the conclusion of the trial upon a consideration of all the evidence adduced as provided by s 182A(1) of the Criminal Procedure Code. That would normally be the position where the accused has given evidence. However, where the accused remains silent there will be no necessity to re-evaluate the evidence in order to determine whether there is a reasonable doubt in the absence of any further evidence for such a consideration. The prima facie evidence which was capable of supporting a conviction beyond reasonable doubt will constitute proof beyond reasonable doubt.

[63] Dalam menimbangkan kes pembelaan, mahkamah ini berpegang dan mengambil panduan daripada keputusan kes oleh Mahkamah Agong dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ 311 (Rep) yang memberikan panduan kepada hakim bicara mengenai pendekatan yang harus dilakukan, di mana Mohd Azmi HMA mengatakan seperti berikut:

> We are of the view that whenever a criminal case decided on the basis of the truth of the prosecution case against the falsity of the defence story, a trial judge must in accordance with the principle laid down in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263 go one step further before convicting the accused by giving due consideration as to why the defence story though could not be believed did not raise a reasonable doubt on the prosecution case. Thus, even though a judge does not accept or believe the accused explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt on the prosecution's case.
>
> It is well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution's case.
>
> To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate case it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless, raise a reasonable doubt as to his guilt? It is for this reason that

A in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straight away the legally established 'reasonable doubt' test, rather than to delve in the 'believable and convincing' test before applying the 'reasonable doubt' test.

B **[64]** Prinsip dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263 menyatakan jika mahkamah berpendapat cerita tertuduh berkemungkinan walaupun pada mulanya tidak mempercayainya sudah mencukupi untuk tertuduh terlepas daripada pertuduhan (lihat juga kes *Public Prosecutor v* C *Mohd Radhi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393; [2005] 6 AMR 203).

[65] Dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, Arifin Zakaria HMP mengatakan:

D It is trite law that the court need not be convinced of the defence story to entitle the accused to an acquittal. The burden of proof on the accused is indeed a light one which is merely to cast a reasonable doubt on the prosecution's case (see *Illian & Anor v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 421).

E **[66]** Bagi memahami maksud ungkapan 'reasonable doubt', mahkamah ini merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 di mana Sharma H mengatakan:

F It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the mind of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding con of the conviction to a moral certainty of the truth of the charge.

G It has again been said that 'reasonable doubt is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oath and upon your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all its parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a H reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there'. Or as sometimes said, it must be a doubt as solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

I **[67]** Mahkamah ini juga mengingati dirinya ke atas prinsip yang dinyatakan dalam kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137; [1993] 3 CLJ 1, di mana Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa kegagalan hakim bicara meneliti keseluruhan keterangan secara objektif dari

segala sudut merupakan suatu ketidakarahan (non-direction) yang terjumlah kepada suatu salah arah (misdirection) dan kegagalan tersebut adalah suatu salah arah yang serius.

[68] Mahkamah juga mengingati dirinya bahawa bukanlah tugas pihak pembelaan untuk membawa apa-apa keterangan dan saksi bagi menyokong keterangan pembelaan kerana tugas pembelaan hanyalah setakat menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Kegagalan atau ketinggalan pihak pendakwaan mengemukakan mana-mana saksi atau apa-apa dokumen tidak boleh dijadikan sebagai satu inferens yang tidak memihak kepada tertuduh (*Goh Ah Yew v Public Prosecutor* [1949] MLJ 150; [1949] 1 LNS 13). Walau bagaimanapun di dalam kes-kes yang melibatkan pemakaian peruntukan anggapan, kegagalan pembelaan membawa keterangan yang diperlukan atau memanggil saksi sokongan mungkin boleh memudaratkan kes pihak pembelaan seperti yang pernah diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Farid bin Mohd Sukis & Anor* [2002] 3 MLJ 401; [2002] 8 CLJ 814; *Chu Tak Fai v Public Prosecutor* [1998] 4 MLJ 246; [1998] 4 CLJ 789; *Baharum v Public Prosecutor* [1960] MLJ 429; [1960] 1 LNS 9; *Liew Siew & Anor v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 232; [1969] 1 LNS 90.

[69] Jika pihak pendakwaan bergantung kepada sesuatu anggapan statutori bagi membuktikan sesuatu isu penting dalam pertuduhan, maka beban pembuktian atas tertuduh bagi mematahkan anggapan tersebut yang terpakai adalah pada tahap imbangan kebarangkalian (*Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89; [1968] 1 LNS 116).

[70] Pembelaan tertuduh menafikan P15, P21 dan P24 tersebut ditemui di atas lantai bahagian kaki pemandu. Sebaliknya tertuduh mengatakan P15, P21 dan P24 ditemui oleh pihak polis dari bawah kerusi tempat duduk pemandu. Tertuduh juga menafikan pengetahuannya terhadap dadah tersebut. Secara dasarnya pembelaan tertuduh adalah bahawa kereta PCD 5265 tersebut boleh digunakan oleh mana-mana staff di New Bob dan oleh itu berkemungkinan dadah tersebut (P15, P21 dan P24) diletakkan di bawah kerusi pemandu oleh orang yang menggunakan kereta PCD 5265 tersebut sebelum tertuduh mengambilnya pada petang tersebut untuk pergi ke Jalan Rangoon. Oleh yang demikian tertuduh menafikan mempunyai apa-apa pengetahuan terhadap dadah tersebut dan dadah tersebut bukan miliknya.

[71] Tertuduh juga menafikan bahawa satu sampul berwarna putih ('P12') yang terdapat dua paket plastik lut sinar ditemui dari poket kemeja baju berwana pink yang dipakainya. Sebaliknya tertuduh mengatakan pihak polis tidak menemui apa-apa dadah dari poket bajunya. Tertuduh juga mengatakan baju yang dipakainya pada masa diperiksa adalah baju kemeja

berwarna putih bertulis New Bob. Bagaimanapun tertuduh tidak mengatakan dari mana bungkusan putih tersebut ('P12') ditemui atau diambil oleh pihak polis.

HUJAHAN PEGUAM DAN TPR DI AKHIR KES PEMBELAAN

[72] Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa pembelaan diri tertuduh telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Peguam menghujahkan pembelaan diri tertuduh bukanlah merupakan satu pembelaan penafian semata-mata (bare denial) tetapi adalah pembelaan bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan terdapatnya dadah tersebut di dalam kereta kerana dadah tersebut tersorok di bawah tempat duduk pemandu yang tidak boleh dilihat dan diketahui oleh tertuduh semasa mengambil kereta PCD 5265 tersebut dari tempat letak kereta di New Bob. Peguam juga menghujahkan tidak terdapat apa-apa perlakuan lain oleh tertuduh yang boleh menjadi inferens tertuduh punyai pengetahuan ke atas dadah tersebut. Peguam juga menghujahkan perlakuan tertuduh yang tidak cuba melarikan diri sewaktu serbuan walaupun berpeluang berbuat demikian kerana kunci kereta masih berada di suis enjin adalah konsisten dengan ketiadaan pengetahuan tertuduh terhadap dadah tersebut. Peguam juga menghujahkan keterangan DW1 wajar diberikan berat nilai bahawa memang terdapat buku rekod bagi penggunaan kereta PCD 5265 tersebut dan terdapatnya peluang untuk staff lain juga menggunakan kereta tersebut sebelum tertuduh menggunakannya.

[73] Peguam yang bijaksana menghujahkan supaya mahkamah ini menimbangkan kembali keputusan mahkamah yang berkaitan dengan baju kemeja yang dipakai oleh tertuduh semasa ditahan. Peguam juga memohon mahkamah menimbangkan semula keputusan mahkamah ini yang telah menerima keterangan SP4 dan SP7 sebagai kredible dengan menghujahkan bahawa saksi SP7 mungkin telah berbincang dengan SP4 sebelum memberi keterangan berkaitan lokasi dadah P15, P21 dan P24 ditemui di dalam kereta PCD 5265 tersebut. Hujahan peguam tersebut dibuat berdasarkan kepada apa yang peguam lihat semasa mahkamah berhenti rehat di mana SP4 dilihat sedang berbincang dengan SP7 dan SP9 dan lain-lain anggota yang sedang menunggu giliran menjadi saksi di ruang bilik peguam bersebelahan mahkamah ini. Oleh itu peguam menghujahkan tindakan SP4 tersebut adalah sesuatu yang tidak profesional dan tidak wajar. Peguam menghujahkan keterangan SP4, SP7 dan SP9 perlulah dilihat dengan penuh sangsi. SP4, SP7 dan SP9 semasa disoalbalas oleh peguam dalam perkara tersebut menafikan mereka ada membincangkan kes ini dan mengatakan mereka memang ada duduk bersama tetapi bercakap-cakap tentang perkara lain yang bukan berkaitan kes ini.

[74] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana pula menghujahkan bahawa pihak pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Beliau menghujahkan keterangan DW1 adalah bercanggah dengan keterangan SP8 dalam hal cara penggunaan kereta PCD 5265. Beliau menghujahkan keterangan oleh DW1 tersebut tidak mempunyai sokongan untuk diberikan nilai berat malahan apa yang DW1 nyatakan dalam keterangannya tidak pernah ditimbulkan semasa kes pendakwaan dan tidak pernah juga disebutkan semasa keterangan SP8. Beliau menghujahkan SP8 sendiri tidak ada menyebutkan bahawa SP8 diberi tanggungjawab bagi in-charge buku rekod penggunaan kereta PCD 5265 dan kunci kereta tersebut. Tiada terdapat langsung keterangan SP8 yang menyebutkan terdapatnya buku rekod yang merekodkan penggunaan kereta PCD 5265 tersebut seperti yang didakwa sebagai ada oleh DW1. Beliau juga menghujahkan keterangan tertuduh tentang buku rekod tersebut hanyalah mengulangi keterangan DW1 kerana tertuduh telah mendapat faedah dari keterangan DW1 sebelum tertuduh sendiri memberi keterangan. Oleh itu beliau menghujahkan bahawa buku rekod yang dikatakan ada itu hanya cerita rekaan yang diada-adakan oleh pihak pembelaan dengan tujuan untuk menunjukkan staff atau orang lain juga boleh menggunakan kereta tersebut sebelum tertuduh menggunakan kereta itu pada petang hari kejadian. Timbalan pendakwa raya juga menghujahkan perkara tentang kewujudan buku rekod tersebut tidak pernah diketengahkan oleh pihak pembelaan di peringkat kes pendakwaan dan tidak pernah diajukan kepada saksi-saksi pendakwaan khasnya SP4 (pengadu yang juga pegawai serbuan), SP7 (pegawai serbuan), SP8 (pembantu peribadi DW1) dan SP9 (pegawai penyiasat). Beliau juga menghujahkan keterangan yang cuba dibawa oleh pihak pembelaan tersebut adalah bagi tujuan mengatakan dadah tersebut ditinggalkan oleh orang lain di dalam kereta itu dan tertuduh tiada punyai kawalan dan milikan ke atas dadah tersebut kerana tidak mengetahui adanya dadah tersebut di dalam kereta itu semasa mengambil kereta untuk pergi ke Jalan Rangoon. Beliau juga menghujahkan pembelaan tertuduh tersebut hanyalah satu pembelaan 'afterthought' dan mengusulkan kepada mahkamah ini untuk melihat keterangan DW1 dengan penuh curiga dan membandingkannya dengan keterangan SP8 yang mengatakan kereta tersebut adalah diuntukkan kepada tertuduh bagi tertuduh menggunakannya.

[75] Timbalan pendakwa raya menghujahkan bahawa pembelaan diri tertuduh hanyalah satu penafian semata-mata yang di bawah undang-undang bukanlah merupakan suatu pembelaan. Beliau merujuk kepada kes-kes *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195; *Public Prosecutor v Ku Lip See* [1981] 1 MLJ 258 dan *Public Prosecutor v Tan Hong Tong* [1993] 3 CLJ 232 bagi menyokong hujahannya itu.

A DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH DI AKHIR KES PEMBELAAN

[76] Berdasarkan keterangan pembelaan tertuduh dan kes pendakwaan, fakta berikut adalah wujud tanpa cabaran: bahawa tertuduh pada waktu kejadian telah memandu kereta Proton Saga PCD 5265 secara berseorangan; bahawa ketika tertuduh masih berada di dalam kereta tersebut pasukan polis telah menyerbu kereta tersebut; bahawa dadah yang terdapat dalam P15, P21 dan P24 dijumpai dari dalam kereta PCD 5265.

[77] Mahkamah ini menerima keterangan SP4 dan SP7 yang disokong oleh laporan polis P9 dan borang bongkar P8 bahawa beg plastik hitam ('P15'), kotak cardboard ('P21') dan sampul berwarna kecoklatan ('P24') yang mengandungi kandungan dadah masing-masing adalah ditemui di atas lantai bahagian kaki kereta yang dipandu oleh tertuduh. Mahkamah tidak menerima pembelaan tertuduh bahawa P15, P21 dan P24 tersebut dijumpai dan dibawa keluar oleh SP4 dari bawah tempat duduk pemandu. Jika tertuduh mengatakan SP4 dan SP7 hanya ingin mengada-adakan keterangan bahawa P15, P21 dan P24 tersebut dijumpai di atas lantai bahagian kaki pemandu bertujuan untuk melihatkan dan mengaitkan tertuduh dengan dadah tersebut, mahkamah ini berpendapat SP4 dan SP7 akan lebih berpeluang jika mengatakan P15, P21 dan P24 dijumpai dari atas kerusi penumpang sebelah pemandu, tetapi ini tidak dilakukan oleh SP4 dan SP7. Mahkamah tidak nampak sebarang niat buruk atau diperlihatkan sebarang motif buruk oleh SP4 dan SP7 untuk mengada-adakan cerita terhadap tertuduh. Tiada keterangan bahawa SP4 atau SP7 telah mengenali tertuduh sebelum kejadian atau apa-apa permusuhan atau mempunyai sebab untuk menganiayai tertuduh atau mendapat faedah daripadanya.

[78] Ini mengingatkan mahkamah ini kepada kes *Public Prosecutor v David Ackowuah Bonsu* [1999] 2 MLJ 677 di mana Hishamudin Yunus H (ketika itu) di ms 693 mengatakan:

> Further, I fail to see any reason as to why the prosecution witnesses should go all out to conspire to commit perjury merely to get the accused convicted. What would they gain by getting an innocent visitor to the country (assuming the accused story were to be believed) hung for drug trafficking? What could be the motive? They had no axe to grind against him. Indeed, none of the prosecution witnesses had ever met the accused before.

[79] Mahkamah juga tidak dapat menerima keterangan bahawa kemungkinan dadah tersebut diletakkan oleh mana-mana staff atau orang lain yang menggunakan kereta tersebut pada pagi itu atau hari-hari sebelumnya kerana tidak munasabah untuk mana-mana orang itu

meninggalkan dadah pada jumlah yang besar di dalam kereta tersebut yang orang itu tahu kereta itu boleh digunakan oleh orang lain selepasnya dan dalam kes ini oleh tertuduh. Lebih-lebih lagi kunci kereta perlu dipulangkan sebaik sahaja tiba di pejabat kepada setiausaha DW1 atau kepada DW1 sendiri atau kepada SP8 jika keterangan DW1 diterima.

[80] Mahkamah juga mendapati tidak terdapat keterangan bahawa ada orang lain yang menggunakan kereta tersebut pada pagi itu kerana jika terdapat orang lain yang menggunakannya ianya dengan mudah boleh diingati oleh DW1 yang pada pagi itu ada bersama-sama tertuduh bagi membincangkan tugasan tertuduh untuk hari itu. Memandangkan penggunaan kereta itu perlu mendapatkan kelulusan DW1 atau ketua jabatan yang lain dan kunci kereta di pegang oleh DW1 dan DW1 tidak ada mengatakan terdapatnya kunci kereta tersebut diberikan kepada mana-mana orang lain baik olehnya sendiri atau setiausaha beliau, maka adalah dapatan mahkamah bahawa kereta tersebut tidak digunakan oleh orang lain pada hari tersebut sebelum tertuduh memandunya. Perlu juga diingati bahawa keterangan SP8 iaitu pembantu peribadi DW1 mengatakan tertuduh adalah diuntukkan dengan sebuah kereta dan kereta itu ialah Proton Saga PCD 5265.

[81] Keterangan pemeriksaan utama SP8 dalam hal kereta PCD 5265 tersebut adalah seperti berikut:

> Saya kenal seorang pekerja nama Phung Geok Hoay. Dia adalah property agent di New Bob Group of Companies. Pekerja ada yang diberi kereta untuk jalankan tugas. Phung Geok Hoay ada diberikan kereta oleh syarikat iaitu jenis Proton Saga nombor pendaftaran PCD 5265. Jika perlu dia saya ada nampak dia datang bawa kereta itu. Setahu saya dia hanya gunakan kereta PCD 5265. Saya tidak berapa tahu tahu syarat-syarat pemberian kereta. Saya tidak ingat tarikh beliau diberi kereta.

[82] Mahkamah menerima keterangan SP8 sebagai saksi yang jujur dan bercakap benar. Seperti yang mahkamah ini telah nyatakan pada awal penghakiman ini, SP8 adalah saksi bebas yang telah mengenali tertuduh sejak tertuduh mula diambil bekerja dengan New Bob pada 12 Disember 2001 dan mempunyai pengetahuan peribadi bahawa tertuduh telah diuntukkan dengan kereta syarikat iaitu PCD 5265 bagi kegunaan tertuduh. Mahkamah menerima keterangan SP8 bahawa kereta PCD 5265 adalah bagi kegunaan tertuduh dan diberikan oleh syarikat kepada tertuduh bagi kegunaannya. Pihak pembelaan tidak mencabar keterangan SP8 dalam aspek ini. Walaupun SP8 ada mengatakan tertuduh tidak mempunyai hak ekslusif ke atas kereta itu, tetapi ia adalah merujuk bahawa kereta itu adalah milik syarikat dan dengan itu bukan milikan peribadi tertuduh.

[83] Semasa disoal balas oleh peguam SP8 dengan jelas mengatakan dia tidak in-charge kenderaan dan ini bertentangan dengan keterangan DW1 yang mengatakan setiausaha DW1 dan SP8 in-charge penggunaan kenderaan Proton Saga PCD 5265 tersebut serta kereta jenis Tiara dan adalah tugas SP8 dan setiausaha DW1 untuk memastikan 'standing instructions' dipatuhi oleh staff dengan mengisikan buku rekod penggunaan kenderaan tersebut apabila hendak digunakan oleh staff New Bob.

[84] Diturunkan keterangan SP8 apabila disoalbalas oleh peguam dalam perkara ini:

Q: Ada kereta Tiara juga digunakan?

J: Tak pasti. Saya tidak in-charge kenderaan.

Q: Awak tak kendali urusan siapa boleh guna kenderaan dan siapa tidak boleh guna kereta?

J: Tiada.

Pembelaan tidak mencabar bahawa keterangan SP8 tersebut sebagai tidak benar.

[85] Semasa SP4 memberi keterangan pihak pembelaan mengatakan kepada SP4 bahawa terdapat posters dan banners yang dibawa oleh tertuduh di dalam kereta tersebut. Tertuduh dalam keterangan pembelaannya mengatakan meletakkan posters dan banners yang dikatakan dibawanya semasa pergi ke Jalan Rangoon di tempat duduk hadapan sebelah pemandu. SP4 mengatakan beliau tidak ingat ada melihat poster dan banner di dalam kereta tersebut. Tidak ada dicadangkan kepada SP4 secara khusus bahawa poster dan banner itu terdapat di bahagian tempat duduk depan seperti mana dalam keterangan pembelaan diri tertuduh. DW1 mengatakan posters dan banners ada dibawa balik oleh SP8 dan SP8 ada memberi tahu DW1 tentangnya. Tetapi keterangan SP8 semasa disoal balas dengan jelas mengatakan SP8 tidak dibenarkan mengambil apa-apa dari kereta PCD 5265. Tujuan SP8 ke balai polis hanyalah bagi mendapatkan balik kereta tersebut. Semasa pemeriksaan semula SP8 mengatakan beliau tiada pengetahuan tentang barang yang ada dalam kereta tersebut. Yang demikian keterangan DW1 tentang terdapatnya posters dan banners dan SP8 membawanya balik ke pejabat adalah meragukan. Significan isu berkaitan poster dan banner ini timbul kerana pembelaan tertuduh adalah bahawa tertuduh pergi ke Jalan Rangoon tersebut di atas arahan DW1 bagi urusan rasmi dan dengan itu membawa bersamanya posters dan banners sedangkan hujahan pihak pendakwaan tertuduh pergi ke Jalan Rangoon tersebut dengan membawa dadah terlibat untuk tujuan tertentu.

[86] Adalah berfaedah mahkamah ini menurunkan keterangan SP8 tersebut seperti berikut semasa disoal balas oleh peguam yang bijaksana: A

> Q: Ada awak ambil apa-apa daripada kereta (PCD 5265) itu?
>
> J: Tidak kerana polis tidak benarkan. Saya tak ambil apa-apa dari kereta itu. B

Tiada cabaran oleh pihak pembelaan yang keterangan SP8 tersebut dalam perkara ini sebagai tidak benar.

[87] Dengan percanggahan yang ada tersebut dan ketiadaan keterangan yang dapat meyakinkan mahkamah dan kegagalan membuat cabaran ke atas C keterangan saksi dalam perkara yang khusus, mahkamah ini mendapati keterangan tentang terdapatnya posters dan banners hanyalah keterangan rekaan untuk menjustifikasikan kehadiran tertuduh di Jalan Rangoon iaitu tempat kejadian. Ia diperteguhkan lagi dengan ketiadaan keterangan oleh tertuduh bahawa ia ada menulis dalam buku rekod kereta PCD 5265 tersebut D tentang destinasi penggunaan kereta tersebut serta tiadanya keterangan dari tertuduh bahawa beliau ada mendapatkan kunci kereta itu daripada DW1 atau SP8 atau setiausaha DW1 sebelum bertolak dari pejabatnya.

[88] Di dalam isu kegagalan membuat cabaran ke atas keterangan saksi E yang melibatkan perkara yang material atau crucial, dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138, Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (Paduka Seri Sultan Perak ketika ini) telah mengatakan:

> On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine F a witness on crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony.

[89] Dalam kes *Chia Beow Huat v Public Prosecutor* [1970] 1 MLJ 29 Sharma H di ms 32–33 telah merujuk kepada pengataan-pengataan yang G diputuskan dalam kes *AEG Carapiet v AY Derderian* AIR 1961 Cal 359 yang memetik penghakiman Mukarji H yang mengatakan:

> The law is clear on the subject. Wherenever the opponent has declined to avail H himself of the opportunity to put his essential and material case in cross-exeamination, it must follow that he believed that the testimony given could not be disputed at all. It is wrong to think that this is merely a technical rule of evidence. It is a rule of essential justice. It serves to prevent surprise at trial and miscarriage of justice, because it gives notice to the other side of the actual case that is going to be made when the turn of the party on whose behalf the I cross-examination is being made comes to give and lead evidence by producing witnesses. It has been stated on high authority of the House of Lords that this much of counsel is bound to do when cross-examining that he must put to each of his opponent's witnesses in turn, so much of his own case as concerns that the particular witness or in which that witness had any share. If he ask no question

with regard to this, then he must be taken to accept the plaintiff's account in its entirety. Such failure leads to miscarriage of justice, first by springing surprise upon the party when he has finished the evidence of his witnesses and he was no further chance to meet the new case made which was never put and secondly, because such subsequent testimony has no chance of being tested and corroborated.

[90] Dalam perkara jumpaan bungkusan putih (P12) yang mengandungi dua paket dadah dari poket baju kemeja sebelah kiri yang dipakai oleh tertuduh, mahkamah ini juga mendapati pembelaan tertuduh bahawa beliau pada ketika itu memakai baju kemeja pejabat bertulis 'New Bob' adalah satu penafian sahaja. Mahkamah mendapati tiada sebab untuk SP4 dan SP7 tidak bercakap benar dalam perkara ini. Laporan polis P9 dan Borang Bongkar P8 menyokong keterangan SP4 dan SP7 bahawa baju yang dipakai oleh tertuduh adalah kemeja berwarna pink dan bertulis jenama 'MGV'. Jika SP4 dan SP7 mahu mengada-adakan keterangan, mereka dengan mudah boleh mengatakan dadah itu ditemui dari kemeja bertulis 'New Bob' yang dipakai oleh tertuduh atau dari poket seluar yang dipakai oleh tertuduh tetapi SP4 dan SP7 tidak mengatakan sedemikian walaupun mereka berpeluang. Sebabnya adalah jelas kerana baju bertulis 'New Bob' tidak ada dipakai oleh tertuduh dan oleh itu SP4 dan SP7 tidak punyai pengetahuan tentang adanya baju tersebut semasa tertuduh ditahan. SP4 juga tidak akan boleh dengan khusus mencatitkan dalam P8 dan P9 bahawa baju kemeja berwarna pink itu adalah dari jenama 'MGV' jika baju itu tidak wujud. Oleh itu mahkamah ini menerima keterangan SP4 dan SP7 dan menolak pembelaan tertuduh dalam perkara baju tersebut.

[91] Tertuduh juga apabila menafikan bungkusan putih (P12) dijumpai dari poket baju yang dipakainya tidak mengatakan dari mana bungkusan itu telah dijumpai oleh SP4. Bungkusan kertas putih P12 ini adalah dadah pertama yang ditemui oleh SP4 sebelum SP4 membuat pemeriksaan ke atas kereta. Tidak terdapat apa-apa pengataan atau cabaran oleh pihak pembelaan kepada SP4 atau SP7 bahawa P12 dijumpai di tempat lain dalam kereta itu. Oleh yang demikian, mahkamah ini menerima keterangan SP4 dan SP7 bahawa P12 ditemui daripada poket baju yang dipakai oleh tertuduh dan bukan dari mana-mana tempat lain di dalam kereta itu.

[92] Semasa kes di peringkat pendakwaan, pihak pembelaan telah mengatakan kepada SP4 bahawa tujuan SP4 mengatakan bungkusan yang mengandungi dua paket plastik lut sinar dijumpai dari poket baju yang dipakai oleh tertuduh adalah bagi mengaitkan tertuduh dengan dadah yang dijumpai di lantai kereta. Mahkamah ini melihat isu tersebut dan mempertimbangkannya secara berasingan dengan dadah yang ditemui di lantai kereta. Mahkamah ini mengingati dirinya bahawa tidak terdapat apa-apa keterangan dibawa oleh pihak pendakwaan melalui SP4 atau SP5

(ahli kimia) yang mengatakan warna, rupa dan bentuk dadah yang ditemui dari badan tertuduh itu adalah sama dengan yang ditemui dari atas lantai kereta bagi tujuan mengaitkan dadah yang dijumpai dari badan tertuduh dengan dadah yang dijumpai di atas lantai kereta. Oleh itu jumpaan P12 tersebut tidak mempengaruhi minda mahkamah dalam pertimbangan ke atas pemilikan tertuduh terhadap P15, P21 dan P24. Dapatan mahkamah ialah tertuduh mempunyai milikan sebenar ke atas semua dadah tersebut yang mahkamah ini pertimbangkan mengikut keterangan terhadapnya.

[93] Mahkamah juga mempertimbangkan adakah terdapatnya buku rekod penggunaan kereta Proton Saga disediakan oleh New Bob. Keterangan DW1 mengatakan terdapat buku rekod bagi staff New Bob mencatitkan penggunaan kereta Proton Saga PCD 5265 tersebut dan buku tersebut akan dikemukakan kepada DW1 sekali setahun. DW1 mengatakan buku itu tidak lagi ada kerana selepas kereta PCD 5265 ditahan kira-kira tujuh tahun yang lalu buku itu telah hilang. Timbalan pendakwa raya di dalam soal balas ke atas DW1 telah membuat cabaran ke atas kebenaran wujudnya buku tersebut. Mahkamah ini melihat kembali keterangan SP8 bagi dibandingkan dengan keterangan DW1. Walaupun DW1 mengatakan SP8 adalah ditugaskan in-charge buku tersebut tetapi keterangan SP8 tidak ada mengatakan sedemikian. SP8 juga tidak ada menyebut terdapatnya 'standing instructions' tentang penggunaan Proton Saga atau Tiara tersebut. SP8 juga tidak ada mengatakan beliau diberi tugas bagi memastikan staff mematuhi 'standing instructions', atau beliau memegang kunci bagi diberikan kepada staff yang hendak menggunakan kereta Proton Saga atau Tiara dan menerima balik kunci tersebut. Semasa keterangan SP8 perkara-perkara yang dikatakan oleh DW1 khasnya kewujudan buku rekod bagi penggunaan Proton Saga PCD 5265 tersebut tidak pernah ditanyakan atau ditimbulkan kepada SP8. Perkara tersebut juga tidak ada dikemukakan semasa keterangan oleh pegawai penyiasat kes SP9. Jika buku rekod penggunaan Proton Saga telah hilang kerana kereta tersebut telah ditahan oleh pihak polis, pihak pembelaan mungkin boleh mengemukakan kepada mahkamah buku rekod penggunaan kereta Tiara yang masih digunakan oleh New Bob kerana kereta Tiara juga menjadi kereta kegunaan staff di samping Proton Saga PCD 5262. Tertuduh sendiri di dalam pembelaannya mengatakan beliau boleh menggunakan kedua-dua kereta tersebut. Pengemukaan buku penggunaan kereta Tiara tersebut mungkin akan dapat membantu keterangan DW1 dalam menunjukkan buku sedemikian wujud di syarikat itu. Keraguan terdapatnya buku rekod bagi kegunaan Proton Saga menjadi lebih meragukan dan tidak memungkinkan kebenarannya apabila keterangan pembelaan diri tertuduh sendiri tidak ada menyebutkan bahawa tertuduh ada memohon menggunakan kereta itu dari setiausaha DW1 pada petang kejadian. Tertuduh tidak ada menyebutkan ada mengisikan butiran di dalam buku tersebut pada petang kejadian apabila tertuduh menggunakan kereta PCD 5265 tersebut untuk pergi ke Jalan Rangoon yang dikatakan sebagai bagi

urusan syarikat. Tertuduh juga tidak ada mengatakan yang tertuduh ada mendapatkan kunci kereta PCD 5265 tersebut daripada setiausaha DW1 mahu pun daripada DW8 atau daripada DW1 sendiri. Di atas fakta-fakta yang ada inferens oleh mahkamah ini ialah kunci kereta PCD 5265 tersebut ada bersama tertuduh dan disimpan oleh tertuduh dan bukannya dipegang oleh DW1 atau setiausaha DW1 atau SP8. Inferens oleh mahkamah ini adalah juga dengan mengambil pertimbangan ke atas keterangan SP8 bahawa kereta PCD 5265 tersebut adalah diuntukkan oleh syarikat kepada tertuduh. Pembelaan tertuduh hanyalah menyebutkan tentang terdapatnya arahan syarikat dalam cara penggunaan kereta dengan mengulangi keterangan DW1 tentang bagaimana kereta tersebut boleh digunakan oleh staff syarikat. Di atas fakta-fakta yang telah mahkamah ini huraikan di atas adalah dapatan mahkamah ini bahawa tidak wujud buku rekod bagi penggunaan kereta Proton Saga PCD 5265 tersebut. Adalah juga dapatan mahkamah bahawa kereta tersebut adalah diuntukkan oleh syarikat bagi kegunaan tertuduh sepertimana yang dinyatakan dalam keterangan SP8 dan oleh itu tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan ke atas kereta tersebut.

[94] Mahkamah ini berpendapat cerita pembelaan bahawa terdapatnya buku rekod bagi bagi penggunaan kereta PCD 5265 hanyalah merupakan suatu rekaan dan juga merupakan satu pemikiran yang terkemudian (afterthought). Alasan mengapa mahkamah ini memutuskan sedemikian telah dihuraikan di atas. Perkara kewujudan buku rekod tersebut tidak pernah dikemukakan kepada mana-mana saksi pendakwaan dan hanya timbul pertama kali semasa pembelaan diri tertuduh. Jika buku rekod tersebut adalah merupakan keterangan pembelaan yang material atau crucial bagi tertuduh untuk menunjukkan bahawa kereta PCD 5265 tersebut adalah kereta kegunaan semua staff New Bob iaitu bagi kegunaan am dan penggunaan kereta tersebut ada direkodkan dalam buku rekod maka sewajarnya perkara tentang buku tersebut itu telah ditimbulkan di peringkat kes pendakwaan lagi. Seperti yang mahkamah ini telah nyatakan di awal tadi pihak pembelaan boleh mengemukakan buku rekod bagi penggunaan kereta Tiara kerana keterangan DW1 tidak mengatakan buku rekod tersebut telah hilang atau tiada lagi. Tertuduh dalam pembelaanya ada mengatakan yang tertuduh juga boleh menggunakan Tiara selain dari Proton Saga. Dengan pengemukaan buku rekod Tiara ianya akan mungkin akan dapat membantu keterangan DW1 bahawa buku rekod yang serupa juga wujud bagi kereta Proton Saga yang DW1 nyatakan sebagai wujud. Tetapi pihak pembelaan gagal mengemukakannya. Tiada penjelasan mengapa ianya tidak boleh dikemukakan jika ianya boleh menunjukkan dakwaan DW1 dan tertuduh tentang wujudnya buku sedemikian di New Bob adalah benar dan bukan suatu rekaan keterangan. Mahkamah dapati sebab mengapa buku berkenaan penggunaan kereta Tiara tidak dikemukakan adalah kerana buku rekod sedemikian sememangnya tidak wujud dan tiada berkemungkinan ianya wujud.

[95] Mahkamah Rayuan dalam kes *Chu Tak Fai*, keputusan yang disampaikan melalui Denis Ong HMR di ms 257(MLJ); ms 800 (CLJ) mengatakan:

> In our view, the absence of real evidence of the air ticket and foreign currencies, it was not unreasonable for the trial court to conclude that it was not convinced of the truth of their existence.Even though not so convinced, was it more probable true than not in the light of the oral evidence of appellant and DW2 that such air ticket and foreign currencies existed in reality. If they were not returned to him by the police as he had said initially in cross-examination, then, it might well be said that he was prevented from producing them as exhibits since the police would have custody of them. However, in re-examination the appellant admitted that he received them back from the police and handed them over to DW2. In that event, the air ticket and the foreign currencies were in the appellant's possession and custody initially and subsequently in DW2's. In that situation, the appellant and DW2 were in position to tender them as exhibits. They were not lost or could not be found. The only excuse given by DW2 for not producing them as exhibits was because she had left them at home in Hong Kong. In our view that excuse was neither a satisfactory nor a reasonable explanation. In the light of the appellant's defence of duress couple with the timing of disclosure for the first time, in his defence, of alleged existence of the air ticket and foreign currencies, it was open to the trial court to reject such oral evidence as a fabrication and an afterthought of untruthful witnesses. He was entitled to do so and in our view there was no misdirection on that score.

[96] Keperluan perlunya pihak pembelaan mengemukakan dengan lebih awal jalur pembelaan tertuduh telah disentuh dalam kes *Megat Halim Megat Omar v Public Prosecutor* [2009] 1 CLJ 154; [2009] 2 AMR 803, di mana Abdul Hamid Embong HMR mengatakannya seperti berikut:

> (63) Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case.

[97] Dalam perkara penghujahan peguam yang bijaksana supaya mahkamah ini mengkaji semula penerimaan keterangan SP4 dan SP7, mahkamah ini tidak mendapati terdapatnya fakta-fakta baru yang membolehkan mahkamah ini meragui keterangan SP4 dan SP7 tersebut yang disokong oleh dokumen bertulis yang kontemporari iaitu laporan polis P9 dan Borang Bongkar P8. Catatan dalam P9 dan P8 tersebut dengan nyata mengatakan P15, P21 dan P24 dijumpai di atas lantai bahagian kaki pemandu. Keterangan SP4 dan SP7 dengan tegas mengatakan P15, P21 dan P24 bukannya ditemui dari bawah tempat duduk pemandu. SP7 adalah saksi

yang hadir semasa tertuduh ditahan dan pemeriksaan dibuat dan melihat sendiri kedudukan P15, P21 dan P24 di dalam kereta serta rampasan P12 dari baju yang dipakai oleh tertuduh. Oleh yang demikian mahkamah ini berpendapat isu bahawa terdapatnya perbincangan di antara SP4 dan SP7 sebelum SP7 memberi keterangan tidak menjadikan keterangan SP7 tersebut sebagai mengikut telunjuk SP4. Keterangan SP7 adalah sebagai saksi kejadian dan mempunyai pengetahuan peribadi terhadap jumpaan dadah terlibat. Walaupun kejadian perbincangan di antara SP4 dan SP7 (Cif Inspektor Ahmad Sidi) serta SP9 (Cif Inspektor Balber Singh) dan lain anggota, yang mana SP4, SP7 dan SP9 menafikan ada berbincang mengenai kes ini, boleh disifatkan sebagai suatu yang tidak profesional dan tidak wajar (lihat kes *Public Prosecutor v Jumaat Mohd Yusoff bin Abdul Bashar* [2007] 6 MLJ 667 sebagai perbandingan), tetapi mahkamah ini mendapati keterangan SP7 tidak mengalami apa-apa kecacatan atau kesangsian untuk dikatakan sebagai sesuatu yang diada-adakan. SP9 pula hanyalah memberi keterangan sebagai pegawai penyiasat dan sebagai seorang yang tidak berada di tempat kejadian semasa pemeriksaan. Keterangan SP9 bukan untuk bertujuan membantu keterangan SP4 dalam perkara lokasi jumpaan dadah tetapi sebagai penyiasat kes yang bertanggungjawab mengumpulkan keterangan dan pengendalian barang kes yang dibuat serahan kepadanya. Oleh itu jika pun terdapatnya perbincangan di antara SP4 dan SP9, yang mana dinafikan oleh SP4 dan SP9, keterangan SP9 hanyalah mempunyai nilai dalam hal-hal yang SP9 mempunyai pengetahuan secara peribadi dan bukannya maklumat yang didapatkan dari SP4 atau SP7. Di atas huraian tersebut mahkamah ini tiada keraguan dalam menerima keterangan SP4, SP7 dan SP9 tersebut.

[98] Dalam isu baju yang dipakai oleh tertuduh pada masa diperiksa oleh SP4, mahkamah ini juga telah menghuraikan terdahulunya mengapa mahkamah ini menerima keterangan SP4 tersebut yang juga disokong dengan jelas oleh dokumen kontemporari yang sama (P9 dan P8). Oleh itu mahkamah ini tiada keraguan dalam menerima keterangan SP4 dan SP7 tentang baju kemeja berwarna pink bertulis jenama 'GMV' yang dipakai oleh tertuduh pada masa kejadian. Ketiadaan pengemukaan baju tersebut oleh pihak pendakwaan tidak mengundang pemakaian s 114(g) Akta Keterangan 1950 kerana mahkamah berpuas hati bahawa baju kemeja tersebut sememangnya wujud dan dipakai oleh tertuduh pada masa kejadian.

[99] Setelah meneliti dan mempertimbangkan pembelaan diri perayu, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan oleh timbalan pendakwa raya yang bijaksana bahawa pembelaan tertuduh hanyalah satu penafian semata-mata (bare denial) dengan menafikan dadah dijumpai dari dalam poket baju ke]mejanya dan tidak ada pengetahuan ke atas dadah yang ditemui di atas lantai tempat letak kaki pemandu yang pada masa ditahan dan diperiksa PCD 5265 adalah dipandu oleh tertuduh.

[100] Kesimpulannya, setelah mahkamah ini mempertimbangkan secara keseluruhan kes pembelaan dan kes pendakwaan seperti yang telah dihuraikan, mahkamah ini mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan kes pendakwaan tanpa apa-apa keraguan. Mahkamah mendapati pembelaan diri tertuduh telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan tersebut (*Mat v Public Prosecutor*). Di atas beban imbangan kebarangkalian, pembelaan tertuduh juga telah gagal menyangkal peruntukan anggapan s 37(da)(xvi) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang terpakai.

[101] Oleh yang demikian tertuduh didapati bersalah dan disabitkan dengan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama, iaitu pertuduhan seperti yang dinyatakan di dalam kes ini. Seperti mana yang diperuntukkan dan diwajibkan di bawah undang-undang, mahkamah ini menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap tertuduh. Tertuduh dengan ini diperintahkan dibawa ke satu tempat bagi pelaksanaan hukuman dan tertuduh digantung di lehernya sehingga mati seperti yang diperuntukkan oleh s 277 Kanun Prosedur Jenayah.

Rayuan tertuduh ditolak.

Reported by Kanesh Sundrum